

Bab 5

Budaya Politik Melayu Bandar - Tanggapan dan Realiti

5.1 Pengenalan

Dalam bab yang lepas sebahagian nilai-nilai yang berkait antara satu dengan yang lain dan dihubungkan dengan parti pemerintah telah diteliti. Ia memberikan gambaran bagi sebahagian daripada budaya politik Melayu bandar.

Dalam bab ini beberapa nilai lain yang juga mempunyai pertalian dan kepentingan antara satu dengan yang lain akan diteliti. Nilai-nilai tersebut berkisar pada nilai agama. Selain nilai agama nilai-nilai lain yang disentuh ialah nilai keadilan dan kepimpinan yang terbaik. Aktivisme politik sebagai satu lagi nilai akan dilihat di sini dan dikaitkan dengan nilai keadilan. Kaitan tersebut ditunjukkan menerusi kenyataan-kenyataan yang dikemukakan dalam bahagian yang berkenaan.

5.2 Agama

Nilai agama dikesan daripada aspek institusinya. Aspek institusi yang dimaksudkan ini dibahagi lagi kepada dua bahagian, iaitu institusi berbentuk formal dan institusi perundangan.

Bagi aspek institusi formalnya persoalan-persoalan yang dibangkitkan menyentuh pelaksanaan Islam dalam pemerintahan, sama ada terlebih dahulu menyelesaikan isu, ‘penubuhan Negara Islam’, pelaksanaan beberapa peraturan Islam

seperti yang dibuat di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Terengganu, ataupun pelaksanaan ‘nilai-nilai Islam’ seperti yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat dilihat sebagai mewakili UMNO manakala kerajaan Kelantan dan Terengganu dilihat sebagai mewakili PAS.

Institusi perundangan pula merujuk kepada isu-isu atau persoalan-persoalan perundangan Islam iaitu mengenai pelaksanaan hudud dan penguatkuasaan perundangan Islam sedia ada.

Bagi mendapatkan respons kepada nilai ini sebanyak sembilan kenyataan telah dikemukakan, sebahagiannya diletak sekali di bawah satu bahagian dan yang lain diselitkan di antara kenyataan-kenyataan sebelum ini yang menyentuh nilai-nilai lain.

Kenyataan-kenyataan tersebut ialah, (i) ‘sistem Islam yang diasaskan di atas prinsip kenegaraan Islam bukan menjadi sebahagian daripada warisan politik orang Melayu’, (ii) ‘walaupun agama adalah penting tetapi pembangunan dari segi kebendaan khususnya kemajuan ekonomi perlu diutamakan pada masa ini’, (iii) ‘sebarang usaha untuk menukar Malaysia kepada sebuah pemerintahan Islam tidak akan mendapat sokongan orang Melayu’, (iv) ‘ulama lebih baik sebagai pemimpin berbanding bukan ulama walaupun tidak begitu cemerlang dalam membangunkan negara’, (v) ‘pelaksanaan hudud dalam negara ini adalah wajar dan patut’, (vi) ‘tindakan JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor) menangkap tiga gadis Melayu kerana menyertai ratu cantik tidak lama dahulu dan beberapa orang di sebuah pub tahun lepas dilihat sebagai tindakan tidak wajar’, (viii) ‘langkah kerajaan Kelantan dan Terengganu melaksanakan peraturan Islam tidak sesuai kerana ia boleh menjelaskan hubungan antara kaum’, (viii) ‘penubuhan Negara Islam di negara ini tidak mendapat sokongan orang Melayu’ dan (ix) ‘usaha menegakkan Islam perlu dibuat secara perlahan menerusi penerapan nilai-nilai Islam seperti yang disarankan oleh kerajaan Pusat yang ada sekarang bukan seperti yang dilakukan oleh kerajaan Kelantan dan Terengganu’.

Kebanyakan kenyataan di atas melihat agama sebagai institusi yang mencorakkan sistem politik. Daripada kenyataan-kenyataan di atas, tiga menyentuh khusus mengenai institusi pemerintahan atau negara. Ia merujuk kepada persoalan Negara Islam - mengenai keperluan mewujudkannya dan usaha-usaha merealisasikannya. Kenyataan-kenyataan itu ialah, (i) 'sistem Islam yang diasaskan di atas prinsip kenegaraan Islam bukan menjadi sebahagian daripada warisan politik orang Melayu', (ii) 'sebarang usaha untuk menukar Malaysia kepada sebuah pemerintahan Islam tidak akan mendapat sokongan orang Melayu' dan (iii) 'penubuhan Negara Islam di negara ini tidak mendapat sokongan orang Melayu'. Kenyataan kedua dan ketiga membawa maksud yang sama tetapi berbeza kerana kenyataan kedua tidak menyebut 'Negara Islam' secara jelas. Dengan cara ini penemuan bagi kedua-dua kenyataan tersebut boleh dibandingkan untuk melihat sama ada ia konsisten atau tidak.

Satu kenyataan menyentuh aspek pelaksanaan peraturan atau hukum Islam. Satu lagi menyentuh sifat-sifat utama kepimpinan agar jenis kepimpinan yang diterima dapat diketahui, antara yang berasaskan kepada agama - seperti ulama - atau pun yang tidak dikaitkan dengan agama seperti yang wujud sekarang.

Persoalan ini menjadi penting dalam konteks politik Malaysia kini kerana sudah terdapat negeri yang diperintah oleh PAS yang mengenangkan 'kepimpinan ulama' bagi negeri-negeri tersebut.¹ Persepsi ini menarik untuk dikaji kerana ia menyumbang kepada persoalan kepimpinan dalam budaya politik Melayu. Di samping itu keutamaan nilai agama juga boleh dikesan sekiranya terdapat respons yang

¹ - Kelantan mempunyai seorang ulama sebagai Menteri Besar iaitu Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Terengganu dengan Menteri Besarnya juga seorang ulama, Dato'Seri Abdul Hadi Awang. Lihat juga makalah Chandra Muzaffar, 'Ulama as Menteri' Harakah, 31 Disember 1999

mengutamakan kepimpinan yang berasaskan ulama. Caranya ialah dengan mendapatkan maklum balas daripada responden mengenai pilihannya - sama ada agama ataupun kemajuan ekonomi perlu lebih diutamakan. Kenyataan ini telah dikemukakan dalam bab 4 di atas² di mana responden telah membuat pilihan seperti yang dikehendakinya.

Pada amnya maklumbalas menunjukkan bahawa nilai agama menjadi nilai yang utama dan ini diterjemahkan kepada keperluan mewujudkan institusi-institusi politik dalam agama. Maksud mewujudkan institusi politik dalam agama ialah menubuhkan pemerintahan Islam atau dikenali juga sebagai Negara Islam. Malah seperti yang ditunjukkan di bawah semua kenyataan berhubung dengan penubuhannya mendapat persetujuan yang agak menyeluruh.

Maklum balas turut memberikan gambaran tentang kesahaman responden mengenai agama. Selain maklumat yang diberikan di sini, maklum balas sebelum ini - dalam bab 4 - berhubung dengan beberapa konsep yang dikemukakan di bahagian awal soal selidik juga membantu memberikan gambaran lebih jelas mengenai nilai agama dalam masyarakat

Berdasarkan dapatan kajian, agama dilihat sebagai nilai yang penting. Ini jelas diperhatikan dari segi umur, jantina, pendidikan, pekerjaan dan keahlian dalam parti politik. Min bagi kenyataan-kenyataan yang menyentuh Negara Islam - 1.48 - menunjukkan pada asasnya mereka boleh menerima walaupun ia tidak menunjukkan secara jelas sama ada penubuhannya disokong ataupun tidak. Oleh itu perincian terhadap respons yang diberi kepada kenyataan-kenyataan berkaitan dengannya menurut

2 - Lihat halaman 236-237, Bab 4 di atas

umur, jantina dan angkubah lain dapat memberikan gambaran yang lebih jelas. Ini boleh ditambah lagi dengan maklum balas daripada responden utama.

5.2.1 Tanggapan terhadap kenyataan : ‘Penubuhan Negara Islam di negara ini tidak mendapat sokongan orang Melayu’

Bagi kenyataan di atas rata-rata responden tidak bersetuju dengannya.

Ini bermakna mereka menerima konsep penubuhan Negara Islam. Persetujuan tertinggi ialah bagi kumpulan umur 31- 40 tahun - 91.1% seperti yang terdapat pada Jadual 5.1 di bawah. Mereka dalam kumpulan umur 61-70 tahun juga didapati bersetuju dengan penubuhan Negara Islam tetapi peratusannya adalah yang terendah - 62.5% sahaja. Namun secara keseluruhannya persetujuan adalah agak tinggi - 71.6%

Jadual 5.1
Persepsi responden mengikut Umur terhadap kenyataan:‘Penubuhan Negara Islam tidak disokong orang Melayu’ (N = 371)

Umur Responden	Pilihan Pendapat (%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
21 tahun ke bawah	4 (18.2)	18 (81.8)	22
22-30	25 (18.2)	112 (81.8)	137
31-40	8 (8.9)	82 (91.1)	90
41-50	11 (13.3)	72 (86.7)	83
51-60	5 (16.1)	26 (83.9)	31
61-70	3 (37.5)	5 (62.5)	8
Jumlah	56 (15.1)	315 (74.9)	371

Berdasarkan latar belakang pendidikan pula mereka yang berkelulusan ke tahap tingkatan 6 merupakan golongan yang paling ramai bersetuju, diikuti mereka yang mempunyai kelulusan tingkatan 5 seperti yang terdapat pada Jadual 5.2 di bawah. Persetujuan yang diberi adalah di antara 80.0% dan 88.5%. Seperti umur, kadar

persetujuan secara keseluruhan ialah 84.0%.

Jadual 5.2
Persepsi responden mengikut tahap Pendidikan terhadap kenyataan: ‘Penubuhan Negara Islam tidak disokong orang Melayu’ ($N = 368$)

Tahap Pendidikan	Pilihan Pendapat (%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
darjah 6	2 (14.3)	12 (85.7)	14
tingkatan 3	3 (17.6)	14 (82.4)	17
tingkatan 5	13 (11.9)	96 (88.1)	109
tingkatan 6	3 (11.5)	23 (88.5)	26
diploma	15 (16.9)	74 (83.1)	89
ijazah asas	14 (17.3)	67 (82.7)	81
sarjana	5 (18.5)	22 (81.5)	27
kedoktoran	1 (20.0)	4 (80.0)	5
Jumlah	56 (15.2)	312 (84.8)	368

Responden dalam semua bidang pekerjaan menunjukkan persetujuan bagi kenyataan di atas. Malah kadar persetujuan adalah di antara 79.6% ke 100.0%. Kategori perburuhan mempunyai persetujuan tertinggi dengan 100.0%, tetapi ini adalah kerana respons diperoleh daripada 3 orang sahaja. Sekiranya dilihat pada mereka dalam bidang teknikal misalnya (37 orang), peratusannya ialah 91.9%. Surirumah turut memberikan persetujuan yang tinggi - 90.6% seperti yang terdapat pada Jadual 5.3 di bawah.

Selain angkubah-angkubah di atas respons mengikut keahlian dalam parti politik juga telah diperolehi. Maklum balas menunjukkan bahawa semua responden yang menyertai PAS, PKN dan yang tidak menjadi ahli kepada mana-mana parti boleh menerima penubuhan Negara Islam. Maklum balas daripada ahli UMNO pula mendapati 14.6% daripada mereka menolaknya. Persetujuan tertinggi adalah daripada ahli PAS seperti dalam Jadual 5.4 di halaman berikut.

Jadual 5.3

Pandangan responden mengikut Pekerjaan terhadap kenyataan :‘Penubuhan Negara Islam tidak disokong orang Melayu’ ($N = 333$)

Jenis Pekerjaan	Pilihan Pendapat (%)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
pengurusan/pentadbiran	9 (15.1)	45 (84.9)	54
suri rumah	3 (9.4)	29 (90.6)	32
teknikal	3 (8.1)	34 (91.9)	37
profesional	4 (14.3)	24 (85.7)	28
perguruan	3 (11.1)	24 (88.9)	27
kontraktor	1 (9.1)	10 (90.9)	11
perburuhan	-	3 (100.0)	3
perkeranian	4 (11.8)	30 (88.2)	34
perkilangan	5 (15.6)	27 (84.4)	32
perniagaan	3 (14.3)	18 (85.7)	21
lain-lain	11 (20.4)	43 (79.6)	54
Jumlah	46 (13.8)	287 (86.2)	333

Jadual 5.4

Persepsi responden mengikut Keahlian dalam Parti terhadap kenyataan : ‘Penubuhan Negara Islam tidak disokong orang Melayu’ ($N=440$)

Parti	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju (%)	Tak Setuju (%)	Tiada Respons (%)
UMNO	14.6	68.0	17.4
PAS	-	90.8	9.2
PKN	8.3	87.5	4.2
Tidak berparti	15	66.1	18.9
Jumlah	7.6	82.1	10.3

Respons ahli PAS memang sudah dijangka kerana matlamat PAS sendiri ialah menubuhkan pemerintahan Islam³. Apa yang lebih menarik ialah respons daripada mereka yang tidak menjadi ahli mana-mana parti politik tetapi turut menyokong penubuhannya.

3 - Lihat Bab 3 di atas mengenai matlamat perjuangan PAS

5.2.2 Tanggapan terhadap kenyataan : ‘Pelaksanaan hudud adalah wajar dan patut’

Bagi kenyataan yang menyentuh pelaksanaan undang-undang yang terdapat di dalam Islam, khususnya undang-undang berkaitan jenayah iaitu hudud, peratusan yang bersetuju didapati adalah tinggi. Misalnya bagi kenyataan diatas persetujuan adalah amat tinggi dengan min 1.05.

Jadual 5.5

Min bagi kenyataan ‘Pelaksanaan hudud adalah wajar dan patut’ mengikut Jantina ($N=435$)

Jantina	Min	N
Lelaki	1.0727	220
Perempuan	1.0425	212
Jumlah	1.0598	435

Min bagi jantina secara keseluruhan adalah 1.06 dengan min 1.07 (lelaki) dan 1.04 (perempuan) seperti yang terdapat pada Jadual 5.5 di atas. Mereka dalam semua kumpulan umur sangat bersetuju dengan pelaksanaan hudud (min 0.9655 - 1.2222).

Jadual 5.6

Min mengikut tahap Pendidikan bagi kenyataan: ‘Pelaksanaan hudud adalah wajar dan patut’ ($N = 434$)

Tahap Kelulusan	Min	Bilangan
darjah 6	1.0526	19
tingkatan 3	1.1667	18
tingkatan 5	1.1069	131
tingkatan 6	1.069	29
diploma	1.0566	106
ijazah asas	0.9688	96
sarjana	1.1667	30
kedoktoran	0.6	5
Jumlah	1.0599	434

Persetujuan yang tinggi turut diberi oleh responden daripada semua tahap pendidikan. Namun yang tertinggi ialah daripada mereka yang mempunyai ijazah asas dan ijazah kedoktoran seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.6 di atas.

Jadual 5.7 di bawah pula menunjukkan bahawa terdapat persetujuan bagi pelaksanaan hudud di kalangan semua kategori pekerjaan walaupun persetujuan terendah terdapat pada kategori perburuan. Namun min keseluruhannya, iaitu 1.06 bagi semua kategori pekerjaan, adalah hampir sama dengan min bagi kenyataan ini secara umum sepetimana yang telah disebutkan di atas.

Bagi persoalan yang menyentuh hudud, dapatan dianalisis bukan sekadar pada kadar persetujuan yang diberikan, tetapi untuk mengukuhkan lagi hujah bahawa persoalan tersebut menjadi satu persoalan yang amat besar di kalangan orang Melayu, analisis dibuat dengan membentangkan min bagi respons yang diberikan. Dengan memberikan min bagi persoalan tersebut dapatlah dilihat kekuatan persetujuan yang diberikan oleh responden terhadap persoalan ini.

Oleh kerana nilai agama adalah nilai teras dalam masyarakat Melayu, peraturan atau hukum yang khusus seperti hudud mempunyai kedudukan yang utama dalam masyarakat tersebut. Namun disebabkan isu hudud telah menjadi polemik antara dua parti politik Melayu - UMNO dan PAS - dengan penekanan yang diberikan oleh PAS khususnya terhadap pelaksanaannya, dengan melihat min yang diperolehi, ia boleh memberikan gambaran tentang sokongan orang Melayu kepada ‘projek pelaksanaan hudud’ dalam negara ini. Oleh itu, daripada respons yang dipaparkan di atas menunjukkan bahawa persetujuan bagi pelaksanaannya adalah sangat tinggi.

Jadual 5.7

Min mengikut Pekerjaan bagi kenyataan: ‘Pelaksanaan hudud adalah wajar dan patut’ ($N = 434$)

Bidang Pekerjaan	Min	Bilangan
pengurusan/pentadbiran	1.056	68
suri rumah	1.294	34
teknikal	1.07	43
profesional	0.941	34
perguruan	0.879	33
kontraktor	1.231	13
perburuhan	1.333	3
perkeranian	1	42
perkilangan	1	37
perniagaan	0.96	25
lain-lain	1.092	65
Jumlah	1.06	434

Maklum balas turut diperolehi mengikut keahlian dalam parti politik.

Keahlian dalam parti politik tidak menjaskan pilihan iaitu persetujuan untuk melaksanakan hudud. Ini bermakna walaupun isu pelaksanaan hudud menjadi polemik antara UMNO dan PAS tetapi terdapat juga ahli UMNO yang tidak menolak keperluan untuk melaksanakannya. Cuma terdapat 33.0% ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan pelaksanaannya. Namun demikian ahli UMNO menunjukkan kadar yang lebih tinggi dalam penolakan hudud berbanding ahli daripada parti-parti lain termasuk di kalangan mereka yang tidak berparti. Seperti yang terdapat dalam Jadual 5.8 di bawah, majoriti responden menyokong pelaksanaan hudud.

Angkubah seterusnya ialah pengundi. Maklum balas responden yang terdiri daripada pengundi dengan yang tidak menjadi pengundi telah diperhatikan dan hasilnya adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.9 di bawah. Didapati bahawa perbezaan antara pengundi dan bukan pengundi tidaklah jauh, malah kedua-dua

kumpulan ini bersetuju dengan pelaksanaan hudud.

Jadual 5.8

Pandangan responden mengikut Keahlian dalam Parti terhadap kenyataan:
'Pelaksanaan hudud adalah wajar dan patut' (N=438)

Parti	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
UMNO	50.5	33	16.5
PAS	100	-	-
PKN	84	8	8
Tidak berparti	62.5	19.2	18.3
Jumlah	74.3	15.1	10.7

Jadual 5.9

Pandangan responden mengikut maklumat pengundian terhadap kenyataan:
'Pelaksanaan hudud adalah wajar dan patut'(n=438)

Maklumat Mengundi	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Pengundi	65.4	23	11.6
Tidak menjadi Pengundi	68.2	14.2	17.6
Jumlah	66.8	18.6	14.6

Maklum balas daripada responden utama⁴ mendapati bahawa rata-rata semuanya bersetuju supaya hudud dilaksanakan. Barangkali peratusan yang tinggi menyokong pelaksanaan hudud ini disebabkan oleh faktor agama itu sendiri. Semua responden adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Sukar bagi mereka untuk menolak sesuatu yang ditetapkan dalam agama seperti hudud.

4 - Dr Hasib, En Zali, Puan Rosy, Hj Putih, Puan Melor dan Dr Melati

Namun begitu kenyataan yang dikemukakan di sini melihat juga kepada kewajaran ia dilaksanakan di Malaysia. Ini berdasarkan ucapan-ucapan beberapa pemimpin kerajaan yang seringkali menyebut mengenai pelaksanaan undang-undang tersebut dalam negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Ia bukan melihat kewajaran hudud itu sendiri sebagai satu bahagian daripada perundangan Islam yang menjadi hukum agama tetapi lebih kepada pandangan terhadap polemik yang terjadi antara UMNO dan PAS berhubung dengan hudud.

Dengan mengemukakan kenyataan seperti ini dapatlah diketahui sejauhmana persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan mengenai kewajaran hudud diterima oleh orang Melayu. Responden mungkin melihat, sebagai seorang Islam, bahawa pelaksanaan hudud tidak menimbulkan masalah, kerana majoriti penduduk negara ini adalah beragama Islam. Kedua, parti-parti Melayu - dalam kerajaan dan di luarnya - adalah dianggotai orang Islam, oleh itu tiada sebab ia ditolak.

Polemik ‘hudud’ sebenarnya telah lama terjadi dalam negara. UMNO dan PAS cuba mempertahankan pendirian masing-masing mengenai perundangan Islam ini. Dalam persaingan tersebut, PAS mendesak pelaksanaannya sebaliknya UMNO selaku parti yang menerajui kerajaan BN berada dalam kedudukan yang agak defensif. Walau bagaimanapun UMNO juga mendakwa bahawa ia tidak menolak hudud, sementara PAS mengemukakan cadangan hudud di negeri-negeri yang diperintahnya. Sehingga sekarang persoalan hudud terus menjadi polemik dan belum terlaksana di mana-mana negeri di Malaysia.

Namun demikian, perbahasan mengenai hudud antara UMNO dan PAS

khususnya terus rancak dalam politik negara. Oleh itu masyarakat terus dapat mengikuti perkembangan dalam perbahasan tersebut. Respons daripada orang Melayu Shah Alam menunjukkan mereka peka dengan isu ini dan sokongan mereka terhadap hudud juga didapati adalah tinggi.

Implikasi daripada ini ialah, dalam konteks Islam, terutama apabila hudud disentuh misalnya, parti yang cuba untuk melaksanakannya akan mendapat kelebihan, termasuk kelebihan politik. Mana-mana pihak atau parti politik yang menentangnya pula akan ditolak oleh majoriti orang Melayu.

5.2.3 Kaedah Pelaksanaan Islam yang Sesuai - Antara Kaedah Kerajaan Kelantan dan Terengganu atau Kerajaan Pusat

Berhubung dengan pelaksanaan peraturan-peraturan Islam, dua kenyataan telah dikemukakan. Kenyataan-kenyataan tersebut menyentuh pelaksanaan peraturan dan ‘nilai-nilai’ Islam mengikut perspektif UMNO dan PAS - UMNO bagi mewakili langkah-langkah yang diambil di peringkat kerajaan Persekutuan dan PAS di peringkat kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu.

Tujuan kenyataan-kenyataan ini dikemukakan adalah untuk mendapatkan gambaran bagaimana orang Melayu menanggapi pelaksanaan Islam - sama ada mereka menerima model PAS atau model UMNO.

Kedua, ia akan menunjukkan juga kecenderungan sokongan kepada parti yang dianggap lebih relevan bagi menegak dan memperkembangkan Islam termasuk melaksanakan peraturan-peraturan di dalamnya.

Bagi kenyataan ‘langkah kerajaan Kelantan dan Terengganu melaksanakan peraturan Islam tidak sesuai kerana ia boleh menjelaskan hubungan antara kaum’ menunjukkan responden secara keseluruhannya kurang bersetuju bahawa ia tidak sesuai dan akan menjelaskan hubungan antara kaum. Min adalah 1.64 dan ini bermakna respons adalah cenderung kepada tidak bersetuju. Oleh itu pada pandangan responden langkah Kelantan dan Terengganu tidak boleh dianggap sebagai tidak sesuai. Bagi kenyataan kedua pula responsnya didapati kurang jelas.

Misalnya bagi kenyataan ‘usaha menegakkan Islam perlu dibuat secara perlahan menerusi penerapan nilai-nilai Islam sepetimana yang disarankan oleh kerajaan Pusat yang ada sekarang bukan seperti dilakukan oleh kerajaan Kelantan dan Terengganu’ mendapat respons yang bercampur antara bersetuju dengan tidak. Implikasinya ialah sekiranya mereka bersetuju ia bermakna mereka lebih selesa dengan program penerapan nilai-nilai Islam yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat - mewakili UMNO - berbanding usaha oleh dua Kerajaan Negeri yang ditadbir oleh PAS. Keputusan sebaliknya akan bermakna kaedah UMNO pula yang ditolak. Jelasnya ia boleh menunjukkan kecenderungan untuk bersetuju antara cara UMNO dengan cara PAS.

Min bagi kenyataan ini ialah 1.32. Ia menunjukkan seolah-olah cara kerajaan Persekutuan itu lebih dipersetujui. Namun apabila diperhatikan pada umur pula mereka berpecah - yang muda tidak menerima cara kerajaan Persekutuan tetapi yang berumur boleh menerimanya. Jumlah peratus yang bersetuju bagaimanapun adalah lebih rendah daripada yang tidak bersetuju (lihat Jadual 5.10 di halaman berikut).

Jadual 5.10

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan :‘Usaha menegakkan Islam perlu ...menerusi penerapan nilai-nilai Islam ...bukan seperti dilakukan oleh kerajaan Kelantan dan Terengganu’(N = 362)

Umur Responden	Pilihan Pendapat (Bil / %)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
21 tahun ke bawah	7 (31.8)	15 (68.2)	22
22-30	46 (35.7)	83 (64.3)	129
31-40	30 (33.3)	60 (66.7)	90
41-50	42 (50.6)	41 (49.4)	83
51-60	18 (58.1)	13 (41.9)	31
61-70	4 (57.1)	3 (42.9)	7
Jumlah	147(40.6)	215 (59.4)	362

Perbezaan antara generasi adalah jelas. Perbezaan ini ketara pada mereka yang berumur 40 tahun ke bawah dengan mereka yang berumur 41 tahun ke atas. Purata perbezaan bagi mereka di bawah 40 tahun ialah 32.8% dan bagi 41 tahun ke atas adalah 7.2% sahaja. Ia menunjukkan walaupun generasi yang lebih berumur cenderung untuk menyokong kaedah Kerajaan Persekutuan tetapi ia bukan suatu yang ketara. Sebaliknya bagi generasi muda kecenderungan menyokong kaedah Kelantan dan Terengganu adalah lebih ketara.

Walau bagaimanapun ini bermakna secara umumnya mereka tidak mempunyai kecenderungan yang jelas untuk menerima model UMNO ataupun model PAS. Pada masa yang sama mereka dapat menerima kedua-dua model tersebut. Selain umur, respons mengikut jantina juga telah diperolehi sepertimana yang dipaparkan pada Jadual 5.11. Sekali lagi kecenderungan ialah untuk tidak bersetuju.

5.2.4 ‘Tindakan JAIS menangkap tiga gadis Melayu kerana menyertai ratu cantik ...tidak wajar

Bagi kenyataan di atas responden diberitahu tentang peristiwa penangkapan tiga gadis Melayu kerana menyertai pertandingan ratu cantik dan kemudian

nya insiden beberapa orang Islam juga ditangkap di sebuah pub pada tahun 1997 oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Penangkapan tersebut telah menimbulkan kontroversi dalam masyarakat.⁵

Jadual 5.11

Pandangan responden mengikut jantina terhadap kenyataan: ‘Usaha menegakkan Islam perlu ...menerusi penerapan nilai-nilai Islam ...bukan seperti dilakukan oleh kerajaan Kelantan dan Terengganu’ ($N = 433$)

Jantina	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Lelaki	26.5	60.3	13.2
Perempuan	41.9	37.6	20.5
Jumlah	34.2	49	16.9

Dalam konteks kajian tindakan tersebut merupakan satu daripada kaedah bagaimana peraturan Islam dilaksanakan atau dikuatkuasakan oleh jabatan Kerajaan menurut perspektif kerajaan BN - iaitu UMNO⁶.

Respons menunjukkan bahawa rata-rata mereka tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Ia bermakna mereka bersetuju dengan tindakan yang telah diambil oleh JAIS. Min bagi kenyataan ini ialah 1.68. Dilihat dari segi umur (Jadual 5.12 di bawah) dan jantina (Jadual 5.13 di bawah) didapati majoriti responden bersetuju dengan tindakan JAIS itu. Respons kepada kenyataan ini turut diperhati pada pengundi. Seperti yang terdapat pada Jadual 5.14 di bawah, rata-rata pengundi menyetujui tindakan tersebut.

5 - Lihat Utusan Malaysia | Julai 1997 - 15 Julai 1997

6 - Kerajaan negeri Selangor dikuasai oleh BN. Oleh itu sebarang langkah berhubung dengan Islam adalah dikaitkan dengan UMNO sebagai parti teras kerajaan tersebut.

Jadual 5.12

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan :‘Tindakan JAIS menangkap tiga gadis Melayu kerana menyertai ratu cantik ...tidak wajar’(N=443)

Umur	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
bawah 21 tahun	10.3	82.8	6.9
22-30	13.9	78.3	7.8
31-40	17.3	77.9	4.8
41-50	22.7	69.1	8.2
51-60	23.7	65.8	10.5
61-70	33.3	66.7	-
Jumlah	20.2	73.4	6.4

Jadual 5.13

Pandangan responden mengikut Jantina terhadap kenyataan: ‘Tindakan JAIS menangkap tiga gadis Melayu kerana menyertai ratu cantik ...tidak wajar’(N=440)

Jantina	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Lelaki	17	77.1	5.8
Perempuan	18.3	73.2	8.5
Jumlah	17.7	75.2	7.2

Jadual 5.14

Pandangan responden mengikut pola pengundian terhadap kenyataan: ‘Tindakan JAIS menangkap tiga gadis Melayu kerana menyertai ratu cantik ...tidak wajar’(N=443)

Maklumat Mengundi	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Mengundi	19	73.9	7
Tak Mengundi	14.5	78.9	78.9
Jumlah	16.8	76.4	43

Implikasi daripada respons yang diberi ialah majoriti orang Melayu tidak dapat menerima perlakuan-perlakuan seperti penyertaan dalam pertandingan ratu cantik atau meminum arak di khalayak ramai. Yang diutamakan ialah penguatkuasaan undang-undang oleh jabatan kerajaan seperti JAIS.

Bagi kenyataan yang meminta responden membuat pilihan antara agama dan kemajuan ekonomi⁷ respons menunjukkan bahawa agama adalah penting. Namun ketika membuat pilihan antara agama dan kemajuan ekonomi mereka lebih mengutamakan kemajuan ekonomi. Ini membayangkan mereka mempunyai kefahaman bahawa agama dan lapangan ekonomi merupakan dua perkara yang berbeza, bukannya kemajuan ekonomi sebagai sebahagian daripada agama.

Sebagai rumusannya nilai agama amat diutamakan. Ini dapat dikesan berdasarkan kepada peratusan sokongan yang diberikan bagi beberapa kenyataan berkait dengan persoalan agama seperti mana dipaparkan pada Jadual 5.5, 5.8, 5.9, 5.12, 5.13 dan 5.14 di atas. Responden telah memberikan respons positif menyokong penubuhan institusi-institusi Islam seperti Negara Islam, pelaksanaan hudud dan peraturan Islam yang lain. Bagi pelaksanaan hudud khususnya, maklum balas responden secara jelas menunjukkan bahawa mereka menyokong pelaksanaannya⁸.

Dari segi ‘pelaksanaan peraturan-peraturan Islam’ sama ada dari segi pentadbiran hukum Islam mahu pun undang-undangnya yang merangkumi pewujudan sebuah Negara Islam pendekatan-pendekatan yang diambil oleh UMNO dan PAS dapat diterima. Ini bermakna apa yang disebut sebagai penerapan nilai-nilai Islam oleh Kerajaan Pusat ataupun kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Kelantan dan Terengganu adalah sesuai. Responden melihat segala usaha ke arah pelaksanaan Islam itu sebagai memenuhi kehendak mereka dan mencerminkan betapa nilai agama itu sememangnya diutamakan. Mereka juga mempertahankan tindakan penguatkuasaan peraturan Islam

7 - Telah ditanya dalam bab yang lepas di bawah “Keperluan mencapai kemajuan dan keselesaan” halaman 236

8 - Barangkali sokongan begini memberikan kelebihan kepada PAS kerana parti tersebut bercadang untuk melaksanakannya

sebagai langkah mempertahankan nilai agama tersebut seperti penangkapan terhadap mereka yang melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah undang-undang syariah sedia ada.

5.3 Keadilan

Keadilan merupakan salah satu nilai yang penting dalam budaya Melayu. Gambarannya dalam urusan politik dan kenegaraan adalah seperti yang dimanifestasikan dalam ungkapan ‘raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah’. Sementara dalam urusan ekonomi dan sosial pula, ia mencakupi proses dan usaha pemerataan agihan kekayaan, serta peluang dan layanan yang sama dari segi kemasyarakatan dan undang-undang. Dalam konteks Islam nilai ini ditekankan dalam al-Qur'an sama ada dari segi sosio-ekonomi mahu pun politik atau undang-undangnya.⁹

Keadilan sebagai nilai dalam konteks politik semasa mendapat tempat utama dalam perbahasan politik pasca peristiwa September 1998. Ia menonjol selepas Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan dan UMNO, dipenjarakan dan dipukul semasa dalam tahanan oleh bekas Ketua Polis Negara sehingga matanya lebam. Oleh itu kaitan antara nilai keadilan dengan peristiwa pada dan selepas September 1998 adalah satu kaitan langsung. Selain itu keadilan juga merupakan satu nilai yang sangat ditekankan dalam Islam.

Untuk mendapatkan gambaran mengenai keadilan tiga kenyataan telah dikemukakan. Salah satu kenyataan merujuk khusus kepada persoalan pemecatan itu

9 - Lihat misalnya al-Qur'an 4 : 58 dan 16 : 90

sendiri. Di samping itu dua kenyataan lain dikemukakan bertujuan melihat hubungan antara kegiatan atau urusan ekonomi dengan keadilan atau pelaksanaan nilai keadilan dalam aspek ekonomi. Kenyataan-kenyataan tersebut ialah, (i) ‘orang Melayu meletakkan keadilan sebagai perkara yang lebih utama dan tinggi daripada kemajuan ekonomi dan mendapatkan kekayaan’, (ii) ‘tindakan memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti UMNO dan kerajaan adalah satu tindakan wajar dan adil’, dan (iii) ‘pembahagian kekayaan negara kepada orang Melayu dilakukan secara adil’.

Ketiga-tiga kenyataan ini melihat aspek yang berlainan antara satu dengan yang lain. Oleh itu dapatan kajian juga dibentangkan secara berasingan bagi setiap kenyataan.

Walaupun persoalan yang hendak dipastikan di sini ialah mengenai keadilan, namun gambaran mengenainya tidak akan lengkap tanpa dilihat bersama persoalan kezaliman. Kezaliman atau tindakan yang zalim yang bertentangan dengan keadilan dan tindakan yang adil, perlu diperhatikan bagi mendapatkan gambaran lebih menyeluruh mengenai keadilan itu sendiri. Sekiranya apa yang terjadi pada Anwar Ibrahim diterima oleh orang Melayu sebagai satu kezaliman ini bermakna nilai keadilan menjadi kritikal dalam budaya politik masyarakat berkenaan dan boleh mempengaruhi tindakan-tindakan yang mereka ambil.

Maklum balas menunjukkan beberapa trend yang jelas pada respons yang diberikan menurut umur, jantina, tahap pendidikan dan beberapa angkubah lain.

5.3.1 Tanggapan mengenai kenyataan: ‘Orang Melayu meletakkan keadilan sebagai perkara yang lebih utama dan tinggi daripada kemajuan ekonomi dan mendapatkan kekayaan’

Dari segi umur, kesemua kumpulan umur melihat keadilan sebagai nilai yang amat penting. Kumpulan umur 61 - 70 tahun didapati paling tinggi menyetujui bahawa keadilan adalah lebih penting daripada kemajuan ekonomi - 77.8% - diikuti mereka dalam kumpulan umur 21 tahun ke bawah - 72.0 %. Namun terdapat perbezaan antara satu kumpulan umur dengan yang lain dari segi menerima dan menolak keyataan ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.15 di bawah.

Seperti yang didapati pada sebahagian besar nilai yang telah diperhatikan sebelum ini, iaitu dalam bab yang lepas, pola yang sama telah diperhatikan sekali lagi untuk nilai keadilan. Pola tersebut ialah kecenderungan kumpulan umur 41-60 tahun mempunyai satu pendirian yang berbeza dan tersendiri sifatnya yang seringkali tidak bersetuju dengan mereka yang lebih muda atau mereka yang berumur lebih daripada 61 tahun. Ini adalah suatu respons yang konsisten dan nampaknya menjadi satu norma yang agak jelas sepanjang dapatan kajian ini dibentangkan.

Dari segi tahap pendidikan juga maklum balas menunjukkan bahawa keadilan lebih diutamakan daripada usaha mencapai kemajuan ekonomi dan memperolehi kekayaan. Semua kategori atau tahap pendidikan didapati bersetuju bahawa keadilanlah yang lebih utama. Walau bagaimanapun kadar tertinggi diperhatikan kali ini bukan pada golongan yang mempunyai ijazah asas tetapi pada mereka yang mempunyai kelulusan Darjah 6 sahaja - 70.6%. Secara keseluruhannya, peratusan 61.5% menunjukkan keadilan masih menjadi agenda utama berbanding kemajuan ekonomi

(lihat Jadual 5.16 di bawah).

Jadual 5.15

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan : ‘Keadilan ...lebih utama ...daripada kemajuan ekonomi ...’(N = 380)

Umur Responden	Pilihan Pendapat (Bil / %)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
21 tahun ke bawah	18 (72.0)	7 (28.0)	25
22-30	82 (61.7)	51 (38.3)	133
31-40	66 (70.2)	28 (29.8)	94
41-50	45 (51.7)	42 (48.3)	87
51-60	17 (53.1)	15 (46.9)	32
61-70	7 (77.8)	2 (22.2)	9
Jumlah	235 (61.8)	145 (38.2)	380

Jadual 5.16

Pandangan responden mengikut tahap Pendidikan terhadap kenyataan: ‘Keadilan ...lebih utama ...daripada kemajuan ekonomi dan mendapatkan kekayaan’(N = 377)

Tahap Pendidikan	Pilihan Pendapat (Bil / %)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
darjah 6	12 (70.6)	5 (29.4)	17
tingkatan 3	12 (66.7)	6 (33.3)	18
tingkatan 5	67 (60.4)	44 (39.6)	111
tingkatan 6	14 (56.0)	11 (44.0)	25
diploma	56 (61.5)	35 (38.5)	91
ijazah asas	52 (62.7)	31 (37.3)	83
sarjana	16 (59.3)	11 (40.7)	27
kedoktoran	3 (60.0)	2 (40.0)	5
Jumlah	232 (61.5)	145 (38.5)	377

Barangkali maklumat daripada responden utama boleh menjelaskan lebih lanjut kenapa orang Melayu menekankan keadilan tetapi masih melihat kemajuan ekonomi sebagai unsur yang perlu diberi perhatian juga. Sepertimana dalam respons sebelum ini kepada persoalan antara ‘agama’ dan ‘kemajuan ekonomi’ (seperti yang diterangkan dalam bab 4 di atas), di sini juga responden berdepan dengan keadaan yang sama. Dalam kes agama-kemajuan ekonomi, mereka telah memilih ‘kemajuan ekonomi’, , begitu juga walaupun keadilan dipilih tetapi persetujuan bahawa keadilan lebih utama

daripada kemajuan ekonomi tidaklah tinggi, malah keutamaan diperlihatkan juga pada kemajuan ekonomi. Perkara ini perlu dihalusi dengan pandangan-pandangan responden utama.

Seorang responden utama¹⁰ melihat kedudukan orang Melayu sebagai masih belum terbela sepenuhnya - dari segi ekonomi mereka masih perlu dimajukan lagi. Beliau melihat keadilan perlu diberi keutamaan supaya pembelaan sebenar dapat dilakukan. Daripada maklum balas lain yang melihat kewujudan parti pemerintah sebagai bertujuan untuk memperkayakan elit yang berkuasa sahaja, keluhan seperti ini tidaklah memerlukatkan dan menjelaskan kenapa keadilan masih perlu diutamakan. Kecuali bagi mereka yang tidak mempunyai maklumat mengenai apa yang dikatakan penyelewengan dan ketidakadilan - yang mungkin memilih kemajuan ekonomi sebagai perkara yang lebih utama - yang lain menerima keadilanlah nilai yang perlu diutamakan.

Seterusnya dua lagi angkubah dilihat iaitu keahlian dalam parti politik dan pengundi/bukan pengundi. Seperti yang terdapat pada Jadual 5.17 di bawah, peratusan ahli UMNO yang tidak bersetuju merupakan peratusan tertinggi berbanding ahli daripada parti-parti lain dan juga mereka yang tidak berparti. Ini barangkali disebabkan oleh faktor istilah ‘keadilan’ itu sendiri. Keadilan bukan setakat dilihat sebagai nilai tetapi dikaitkan pula dengan gerakan-gerakan yang menentang UMNO dan kerajaan ketika itu seperti gerakan reformasi, parti-parti pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) yang semuanya bersuara atas isu ‘keadilan’ dan ‘kezaliman’¹¹. Barangkali persepsi ini telah juga mempengaruhi mereka.

¹⁰ - Beliau ialah Puan Rosy, seorang pegawai kerajaan

¹¹ - Seorang responden utama yang juga aktivis UMNO, En Abu menyatakan slogan ‘keadilan’ digunakan sebagai senjata politik oleh mereka yang menentang kerajaan.

Jadual 5.17

**Persepsi responden mengikut keahlian dalam parti politik terhadap kenyataan:
'Keadilan ...lebih utama ...daripada kemajuan ekonomi dan mendapatkan
kekayaan'(N=439)**

Parti	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada respons
UMNO	48.5	41.7	9.7
PAS	64.6	29.2	6.2
PKN	76	24	-
Tidak berparti	48.9	31.6	19.6

Respons daripada ahli PAS dan PKN didapati amat tinggi menyokong supaya keadilan diutamakan berbanding kemajuan ekonomi dan mendapatkan kekayaan. Bagi ahli PAS, peratusannya ialah 64.6% dan PKN pula 76.0%. Mereka yang tidak berparti menunjukkan trend agak menarik juga. Mereka turut bersetuju keutamaan diberi pada keadilan.

Implikasi di sini ialah sementara mereka yang menyokong kerajaan dan menjadi anggota parti pemerintah tidak ghairah untuk menerima keadilan sebagai nilai yang lebih utama, mereka yang berada di luarnya sama ada bersama pembangkang ataupun mereka yang tidak berparti, lebih menekankan keadilan. Ini bermakna parti yang bersuara atas isu keadilan akan diberi perhatian, lebih daripada parti yang cuba menafikan kepentingannya.

Dilihat pula pada pilihan di kalangan mereka yang menjadi pengundi dengan yang tidak, respons menunjukkan bahawa perbezaan ini tidak mempengaruhi pilihan kerana rata-rata kesemuanya bersetuju dengan kenyataan di atas. Pengundi yang tidak bersetuju hanya 35.0% seperti yang terdapat pada Jadual 5.18 di bawah.

Sepertimana kenyataan mengenai ‘agama’ dan ‘kemajuan ekonomi’ yang telah dikemukakan sebelum ini¹² barangkali respons di sini juga hampir menyamai persepsi yang dipegang oleh responden. Dalam kenyataan di atas tiada rujukan langsung kepada isu keadilan dan kezaliman itu sendiri - seperti ketidakadilan terhadap Anwar Ibrahim misalnya¹³

Jadual 5.18

**Persepsi responden yang menjadi pengundi/bukan pengundi terhadap kenyataan:
‘Keadilan ...lebih utama ...daripada kemajuan ekonomi dan mendapatkan
kekayaan’(N=439)**

Maklumat Mengundi	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada respons
Ya, mengundi	56.2	35	8.8
Tidak mengundi	50	28.7	21.3
Jumlah	53.1	31.9	15.1

Maklum balas kepada kenyataan seterusnya yang lebih khusus bunginya mengenai keadilan sepertimana yang ditanggapi dapat memberikan gambaran lebih jelas mengenai kepentingan nilai keadilan.

5.3.2 Pandangan terhadap kenyataan : ‘Pemecatan Anwar adalah tindakan wajar dan adil’

Bagi kenyataan mengenai pemecatan Anwar Ibrahim daripada UMNO dan kerajaan rata-rata semua kategori umur, jantina, pendidikan, pekerjaan dan angkubah

12 - Libat Bab 4, halaman 236

13 - Maklumat responden utama semuanya menunjukkan bahawa Anwar Ibrahim tidak mendapat keadilan

lain tidak dapat menerimanya sebagai satu tindakan yang wajar. Misalnya persetujuan terhadap tindakan itu hanya berada di antara 11.2% - 32.1% sedangkan bagi yang tidak bersetuju antara 67.9% - 88.8%. Persetujuan tertinggi diberi oleh mereka yang berumur 51-60 tahun dengan 32.1%, dan kumpulan umur ini juga memberi respons tidak bersetuju yang paling rendah iaitu 67.9 %. (lihat Jadual 5.19 di halaman berikut).

Respons berdasarkan angkubah-angkubah lain turut menunjukkan tindakan memecat Anwar sebagai tidak wajar dan tidak adil. Dilihat pada tahap pendidikan misalnya, keputusannya adalah jelas, sama seperti yang diperhatikan pada responden yang menjadi ahli parti politik. Dari kalangan ahli UMNO sendiri ramai yang tidak menyetujui tindakan ini, dan ini juga menjelaskan kenapa mereka bertindak menyokong pembangkang dalam pilihan raya 1999 seperti yang ditegaskan oleh beberapa responden utama.¹⁴ Jadual 5.20 di halaman berikut memaparkan hasil maklum balas yang diterima.

Mereka yang tidak berparti sekalipun memberikan reaksi yang sama. Dalam semua kategori mereka yang berkecuali atau tidak memberikan respons adalah agak tinggi. Barangkali mereka tidak mahu menyatakan pendirian secara terbuka lebih-lebih lagi sekiranya menjadi ahli parti pemerintah atau penyokong kerajaan kerana pendirian seperti itu boleh dianggap sebagai menyokong pembangkang pula.

Respons daripada pengundi juga menunjukkan kecenderungan yang sama. Daripada kalangan pengundi mereka yang tidak bersetuju didapati ialah 64.2 %

¹⁴ - Antara yang memaklumkan kepada pengkaji mengenai perkara ini ialah seorang pemimpin bawahan UMNO di Seksyen 16, En Abu, dan seorang responden yang mengaku dirinya sebagai ahli UMNO, En Hamzah.. Turut menyatakan perkara yang sama ialah ahli-ahli daripada parti pembangkang seperti Sdr Ruslan Razak dan En Hasib.

dan bagi yang tidak menjadi pengundi pula ialah 56.5 % seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.21 di halaman berikut. Kecenderungan ini adalah signifikan bagi kajian kerana ia menunjukkan bahawa mereka mempercayai ketidakadilan telah berlaku ke atas Anwar pada September 1998.

Jadual 5.19

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan: ‘Pemecatan Anwar Ibrahim adalah tindakan wajar dan adil’(N = 336)

Umur Responden	Pilihan Pendapat (Bil / %)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
21 tahun ke bawah	3 (14.3)	18 (85.7)	21
22-30	14 (11.2)	111 (88.8)	125
31-40	10 (12.0)	73 (88.0)	83
41-50	20 (27.8)	52 (72.2)	72
51-60	9 (32.1)	19 (67.9)	28
61-70	2 (28.6)	5 (71.4)	7
Jumlah	58 (17.3)	278 (82.7)	336

Jadual 5.20

Pandangan responden mengikut Parti Politik yang disertai terhadap kenyataan : ‘Pemecatan Anwar Ibrahim adalah tindakan wajar dan adil’(n= 336)

Parti	Pilihan Pendapat (%)	
	Setuju	Tak Setuju
UMNO	25	44.2
PAS	-	86.2
PKN	-	100
PRM	-	100
Tidak berparti	12.7	58.5
Jumlah	18.9	77.8

Berdasarkan semua respons yang dinyatakan di atas adalah jelas tindakan memecat Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan UMNO dilihat sebagai satu tindakan tidak wajar dan tidak adil oleh orang Melayu. Beberapa responden menghuraikan lagi persoalan ini secara lebih terperinci.

Jadual 5.21

**Pandangan responden mengikut maklumat mengundi terhadap kenyataan :
'Pemecatan Anwar Ibrahim adalah tindakan wajar dan adil' (N=438)**

Maklumat Mengundi	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada respons
Ya, mengundi	13.6	64.2	22.3
Tidak mengundi	12	56.5	31.5
Jumlah	12.8	60.3	26.9

Ada di kalangan mereka yang menyatakan Anwar telah menjadi mangsa konspirasi yang akhirnya telah menjatuhkan beliau. Kesemua responden utama (termasuk beberapa responden dalam tinjauan) bersetuju bahawa isu Anwar telah mempengaruhi tindakan pengundi Melayu, oleh itu UMNO terpaksa membuat penilaian semula, melakukan muhasabah, menjalani reformasi dan menubuhkan unit-unit baru¹⁵ bagi menarik kembali sokongan kepada parti tersebut.¹⁶

Antara komen dan pandangan yang diberikan oleh responden utama mengenai pemecatan Anwar itu ialah, Anwar merupakan mangsa kezaliman dan ini telah membuka mata masyarakat terhadap kezaliman, UMNO menjadi tidak relevan¹⁷, ia menjadi salah satu sebab kenapa orang ramai kecewa dengan UMNO, sebagai satu tindakan yang zalim dengan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap Anwar yang ‘melampau’, dan orang Melayu menolak UMNO kerana kezaliman terhadap Anwar. Seorang ahli kanan UMNO¹⁸ mendedahkan bahawa memang Anwar telah ‘dibuang’.

15 - Penubuhan Puteri UMNO misalnya dikatakan sebagai hasil langsung ‘reformasi’ yang dilakukan UMNO bagi menarik sokongan golongan muda. Ini dinyatakan oleh En Rustam dan En Hasib

16 - Responden-responden utama itu termasuk Dr Melati, Puan Melor , Dr Musab, En Zali, Puan Rosy, En Amzah Umar, Dato’ Salamon, En Hasib dan Dr Dzulkifli Ahmad.

17 - Tema ‘UMNO tidak relevan’ kedengaran selepas pilihan raya 1999. Malah seorang penulis menghasilkan buku dengan tajuk yang sama. Lihat Hussain Yaacob (2000).

18 - Beliau adalah orang penting dalam bahagian Shah Alam dan untuk komen ini namanya terpaksa dirahsiakan walaupun tersenarai sebagai salah seorang responden utama

Komen lain yang diberikan oleh responden utama, Dato Salamon, ialah orang Melayu telah bersama dengan seruan Anwar ketika jentera kerajaan pula telah gagal menanganinya. Isu ini kata mereka telah menjadi satu sebab juga kenapa rakyat menjadi kecewa dengan UMNO.

5.3.3 Pandangan terhadap Kenyataan : Pembahagian Kekayaan Negara Dilakukan Secara Adil

Antara usaha kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup orang Melayu ialah dengan melaksanakan program-program pembangunan dan mengagihkan kekayaan negara kepada seluruh lapisan masyarakat. Bagi orang Melayu sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan lebih tiga dekad yang lalu, kedudukan mereka secara umumnya dikira telah bertambah baik khususnya dari segi ekonomi. Namun kedengaran rungutan bahawa pengagihan kekayaan di kalangan orang Melayu sendiri tidak dilakukan secara adil.¹⁹

Rungutan ini antara lain melihat bahawa berlaku penyelewengan dalam agihan tersebut. Dalam konteks kajian dan konteks politiknya, ia merujuk kepada isu-isu yang dibangkitkan seperti berlakunya rasuah, amalan kronisme dan nepotisme di mana amalan-amalan ini menyebabkan ketidakadilan terjadi dalam agihan kekayaan negara. Oleh itu kenyataan khusus mengenai unsur-unsur ini telah dikemukakan untuk melihat sejauh mana responden melihat keadaan seperti ini benar-benar terjadi atau ia hanya menjadi satu isu politik yang dibangkitkan tanpa mempunyai asas yang kukuh. Kenyataan tersebut ialah, ‘pembahagian kekayaan negara kepada orang Melayu

¹⁹ - Kajian yang dilakukan oleh Shamsul (1986) dengan jelas menunjukkan bagaimana fenomena ketidak adilan ini terjadi dalam konteks pembangunan di mana antara faktor yang mempengaruhi agihan kemudahan ialah faktor politik.

dilakukan secara adil'. Menerusi respons nanti dua aspek dapat dipastikan; **pertama**, sama ada terdapat ketidakadilan dalam pembahagian kekayaan tersebut dan **kedua**, menjelaskan secara tidak langsung apa yang dimaksudkan dengan adil. Bagi aspek ini maklumat tambahan diperoleh daripada responden utama.

Secara umumnya responden tidak bersetuju bahawa pembahagian kekayaan negara dilakukan secara adil. Peratus persetujuan secara keseluruhan ialah 17.7% berbanding peratusan yang tidak bersetuju iaitu 63.4%. Apabila dihalusi lagi mengikut umur pula didapati persetujuan tertinggi adalah pada mereka dalam kategori umur 51-60 tahun (23.1%) dan yang terendah bagi umur 31-40 tahun (13.5%). Semua kategori umur menunjukkan bahawa mereka tidak bersetuju di mana kumpulan umur 61-70 tahun mempunyai kadar tertinggi iaitu 85.7%.

Dari segi konsepnya apa yang diberitahu oleh responden utama lebih menjelaskan makna 'adil' itu sendiri. Seorang responden utama²⁰ menyatakan bahawa agihan pada masa ini adalah tidak adil. Malah menurutnya, ahli-ahli politik - merujuk kepada ahli dan pemimpin UMNO - berebut untuk kerusi dan kuasa kerana hendak membolot kekayaan. Kekayaan seolah-olah menjadi milik golongan elit sahaja. Di sinilah timbul isu kronisme dan nepotisme²¹ - pemimpin yang memberi kepada kaum keluarga dan rakan-rakannya sahaja²². Malah seorang responden utama lain telah menyatakan bahawa orang yang menyertai UMNO adalah kerana mahu 'jadi kaya'.²³

20 - Beliau adalah seorang kakitangan kerajaan, En Zali.

21 - Kronisme bersama rasuah dan nepotisme telah menjadi slogan penting dalam kempen gerakan reformasi dan parti-parti pembangkang menjelang pilihan raya 1999 dan selepas pilihan raya tersebut untuk menyerang UMNO dan BN

22 - Memberi kepada rakan atau penyokong bawahan termasuk juga dalam konsep penaung-dinaung yang dibincangkan sebelum itu dalam bab 2

23 - Beliau ialah Dr Melati

Walaupun kenyataan ini agak sukar untuk dipercayai kerana menonjolkan satu tabiat yang menggambarkan seolah-olah semua ahli UMNO terlibat, barangkali ia terjadi juga kepada sebahagian daripada ahli dan pemimpinnya.

Oleh itu kesimpulannya ialah kenyataan-kenyataan seperti yang diluahkan oleh responden-responden utama membayangkan bahawa secara keseluruhannya tindakan terhadap Anwar Ibrahim, merupakan tindakan yang salah dan zalim. Ekorannya orang Melayu termasuk ahli UMNO sendiri telah beralih sokongan kepada parti lain dalam pilihanraya

Sekiranya parti lebih diutamakan dan kepimpinan parti lebih diyakini - oleh itu perlu dipatuhi (diberi taatsetia) - sudah tentu ahli UMNO tidak akan beralih sokongan kepada pembangkang dan gerakan yang menentang pucuk kepimpinan UMNO ketika itu. Sebaliknya jika keadilan lebih diutamakan, maka kesetiaan pada parti akan menjadi kurang penting. Ini telah dibuktikan dalam kajian di mana keadilan telah diletakkan sebagai nilai yang lebih utama berbanding dengan kesetiaan terhadap parti dan pemimpin-pemimpinnya. Lebih memburukkan keadaan ini ialah persepsi masyarakat bahawa ketidakadilan telah terjadi bukan sahaja terhadap seorang individu tetapi seorang pemimpin utama kerajaan daripada parti yang berkuasa.

Oleh itu keadilan merupakan nilai yang penting dalam mempertimbangkan tindakan. Dalam konteks politiknya, keadilan dianggap telah tercemar dalam peristiwa 2 September 1998 dengan pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti dan tindakan susulan ke atas beliau sehingga beliau muncul di khalayak ramai dengan matanya yang lebam. Respons bagi kenyataan yang menyebut tindakan ke atas Anwar

jelas menunjukkan bahawa tindakan tersebut dilihat sebagai satu tindakan yang tidak adil. Oleh sebab itu, ia membawa implikasi politik dengan membangkitkan kemarahan orang Melayu terhadap apa yang dianggap sebagai ketidakadilan itu - ketidakadilan dilakukan ke atas seorang tokoh kerajaan. Bagaimana kemarahan tersebut dimanifestasikan kemudian sebagai manifestasi nilai juga akan dibincangkan secara lebih terperinci dalam bab 6 di bawah.

5.4 Aktivisme Politik

Aktivisme politik dilihat di sini sebagai keaktifan seseorang dalam bidang politik. Keaktifan tersebut boleh diperhatikan daripada kesungguhan seseorang melibatkan diri secara langsung dalam parti politik di samping aktiviti-aktiviti politik yang disertai atau yang dijalankannya. Pada asasnya keaktifan berpolitik - aktivisme politik - bermula dengan penyertaan dalam parti politik. Aktivisme politik sebegini diperhatikan pada kerja-kerja yang dilakukan seseorang bagi parti politik berkenaan. Lazimnya seseorang itu akan aktif dalam satu parti politik sahaja. Parti berkenaan ialah parti yang beliau sertai dan yakini falsafah perjuangannya. Selain itu ia turut diperhatikan pada penglibatan dalam apa-apa kegiatan yang dianjurkan oleh parti berkenaan. Sepertimana dengan nilai-nilai lain penjelasan lebih terperinci mengenainya telah dibuat dalam bab 2 di atas.

Beberapa aspek aktivisme cuba dilihat dalam kajian ini bagi memenuhi maksud aktivisme politik. Aspek-aspek ini disebut dalam kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan. Salah satu aspek ialah keperluan untuk menyertai kegiatan politik secara aktif. Untuk mengesahkan apakah pilihan responden terhadap keaktifan berpolitik,

kenyataan ‘orang Melayu perlu aktif dalam politik untuk mencapai aspirasi serta cita-cita bangsa’ telah dikemukakan. Aspek kedua ialah berhubung dengan aktivisme itu sendiri, di mana bagi menelitiinya dua aspek tambahan telah dilihat - **pertama**, keperluan berorganisasi untuk menzahirkan aktivisme dan **kedua**, kaedah aktivisme itu sendiri sepetimana terkandung dalam dua kenyataan berikut.

Kenyataan-kenyataan itu ialah ‘perubahan dalam politik negara seperti yang cuba dilakukan oleh gerakan reformasi adalah diperlukan’ dan ‘kebebasan untuk berucap menentang kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan’.

Bagi kenyataan pertama di atas ia lebih menjurus kepada pendirian umum mengenai keperluan menyertai kegiatan politik. Kenyataan kedua sebaliknya memfokus kepada keperluan adanya kaedah untuk menjadi aktif dalam politik, di sini, menerusi gerakan massa seperti gerakan reformasi. Sehubungan dengan ini ialah jenis aktivisme, sama ada dalam bentuk ucapan yang boleh dilakukan melalui pentas parti politik ataupun menerusi badan-badan yang menyuarakan isu-isu politik atau dengan cara lain seperti membuat risalah, buku dan makalah.

Maklumbalas bagi ketiga-tiga kenyataan menunjukkan bahawa secara umumnya orang Melayu boleh menerima bahawa mereka perlu aktif di dalam kegiatan politik. Respons bagi ketiga-tiga kenyataan di atas tidak digabungkan kerana kenyataan pertama melihat persoalan keperluan untuk aktif dalam politik sahaja sedangkan yang lain melihat kegiatan politik itu sendiri sama ada ia perlu menjadi satu aktiviti yang mencabar kerajaan ataupun aktivisme tersebut disalurkan melalui penyertaan dalam

gerakan-gerakan tertentu khususnya gerakan reformasi. Tindakan-tindakan seperti yang disebutkan ini tidak semestinya dilihat sebagai satu-satunya cara untuk berpolitik secara aktif. Oleh itu pembentangan dapatan kajian dibuat dengan mengasingkan respons bagi setiap satu kenyataan berkenaan.

5.4.1 Tanggapan terhadap kenyataan: Orang Melayu perlu aktif dalam politik untuk mencapai aspirasi serta cita-cita bangsa

Gambaran umum seperti yang telah disebut di atas menunjukkan bahawa responden melihat ada keperluan untuk aktif dalam politik. Oleh itu kenyataan, ‘orang Melayu perlu aktif dalam politik untuk mencapai aspirasi serta cita-cita bangsa’ mendapat respons persetujuan yang tinggi daripada responden. Min bagi kenyataan tersebut ialah 1.09 (lihat Jadual 5.22 di bawah).

Jadual 5.22
Min bagi kenyataan-kenyataan berhubung dengan keperluan aktif dalam politik dan kaedah keaktifannya

Kenyataan	Bil Respons	Min	Mod
Orang Melayu perlu aktif dalam politik untuk mencapai aspirasi serta cita-cita bangsa	436	1.0894	1
Perubahan dalam politik negara seperti yang cuba dilakukan oleh gerakan reformasi adalah diperlukan	438	1.3037	1
Kebebasan untuk berucap menentang kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan	437	1.1831	1

Walaupun keperluan untuk aktif di dalam politik merujuk kepada aktivisme menerusi parti politik tetapi bukan semua aktiviti perlu dilakukan melalui cara demikian. Maklumat responden utama misalnya mendapati bahawa aktivisme boleh juga disalurkan menerusi badan-badan bukan kerajaan (NGO). Masalahnya ialah penyertaan

dalam badan-badan bukan kerajaan adalah agak rendah seperti yang telah disebut dalam bab yang lepas. Hanya 6.1% responden menyertainya. Lagipun jenis badan-badan yang disertai, diketahui bukan berunsurkan politik dan ini bermakna aktivisme politik menjadi lebih rendah.

Namun apa yang hendak dilihat di sini ialah persoalan aktivisme itu sendiri dan dua kenyataan terakhir turut memberikan gambaran bagaimana aktivisme boleh dijalankan. Oleh itu kedua-dua kenyataan ini diberi perhatian untuk memastikan apakah tahap aktivisme yang boleh dikesan pada sasaran kajian.

Terdapat juga masalah lain yang perlu diambilkira. Walaupun mereka menekankan perihal pentingnya penglibatan secara aktif dalam politik, tetapi terdapat beberapa halangan untuk berbuat demikian. Sekadar contoh ia boleh diperhatikan pada sektor awam. Ada di kalangan mereka dalam sektor ini yang mahu aktif dalam politik tetapi dihalang oleh peraturan-peraturan khususnya Perintah Am Kerajaan. Kini terdapat satu lagi halangan baru, iaitu dalam apa yang dikenali sebagai 'Akujanji'²⁴. Jadual 5.23 di bawah menunjukkan bagaimana mereka dalam kedua-dua sektor pekerjaan menanggapi aktivisme politik. Angkubah-angkubah lain yang diperhatikan ialah responden yang melayari internet, membaca akhbar pembangkang iaitu *Harakah* dan status keahlian dalam parti politik. Jadual 5.24 di bawah menunjukkan keputusan menurut angkubah-angkubah tersebut.

Kecenderungan mereka yang melayari internet, membaca akhbar alternatif seperti *Harakah*, yang menjadi ahli kepada ketiga-tiga parti politik, dan yang

²⁴ - Maklumat seorang responden utama iaitu Puan Rosy. Menurut beliau sekatan seperti ini lebih kepada kakitangan yang difikirkan cenderung kepada parti pembangkang atau gerakan penentangan terhadap parti pemerintah

tidak menjadi ahli mana-mana parti jelas daripada Jadual 5.24 di bawah. Nampaknya angkubah-angkubah ini tidak memberi kesan dari segi kepentingan yang diletakkan pada aktivisme politik kerana majoriti bersetuju dengan kenyataan di atas.

Jadual 5.23

Pandangan responden mengikut sektor pekerjaan terhadap kenyataan : ‘Orang Melayu perlu aktif dalam politik untuk mencapai aspirasi serta cita-cita bangsa’ ($N=350$)

Sektor	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
sektor awam	77.4	15.7	7
sektor swasta	72.5	18.1	9.3
Jumlah	75	16.9	8.2

Jadual 5.24

Persepsi responden mengikut mereka yang melayari internet ($N=376$), membaca Harakah($N=216$) dan status keahlian dalam parti politik($N=420$) terhadap kenyataan: ‘Orang Melayu perlu aktif dalam politik untuk mencapai aspirasi serta cita-cita bangsa’

Angkubah	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Ya, melayari internet	77.6	18.7	3.7
Tidak melayari internet	78.8	14	7.2
Ya, membaca Harakah	76.7	10	13.3
Tidak membaca Harakah	76.5	14.6	8.9
ahli UMNO	82.4	11.8	5.9
ahli PAS	87.7	9.2	3.1
ahli PKN	76	20	4
tidak berparti	69.1	21.1	9.9
Jumlah	78.1	14.9	7

5.4.2 Tanggapan terhadap kenyataan: ‘Perubahan dalam politik negara seperti yang cuba dilakukan oleh gerakan reformasi adalah diperlukan’

Min bagi kenyataan ini ialah 1.3. Ini bermakna pada umumnya responden

menyetujui perubahan politik yang cuba diusahakan oleh gerakan reformasi menjadi satu keperluan. Berdasarkan sektor pekerjaan nampaknya mereka yang bekerja di kedua-dua sektor bersetuju dengan kenyataan ini walaupun persetujuan di kalangan mereka dalam sektor awam adalah lebih rendah berbanding dengan sektor swasta (lihat Jadual 5.25 di bawah). Dilihat pula pada angkubah-angkubah lain seperti keahlian dalam parti politik dan mereka yang menjadi pengundi, maklum balas yang diperoleh adalah agak menarik seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.26 di bawah.

Jadual 5.25

Pandangan responden mengikut sektor pekerjaan terhadap kenyataan : ‘Perubahan dalam politik negara seperti yang cuba dilakukan oleh gerakan reformasi adalah diperlukan’(N=344)

Sektor	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
sektor awam	49.1	36.2	14.7
sektor swasta	51.9	38.4	9.7
Jumlah	50.5	37.3	12.2

Jadual 5.26

Pandangan responden mengikut keahlian dalam parti politik (N=426) dan status mengundi (N=432) terhadap kenyataan: ‘Perubahan dalam politik negara seperti yang cuba dilakukan oleh gerakan reformasi adalah diperlukan’

Pilihan Pendapat (%)	UMNO	PAS	PKN	Pengundi	Bukan pengundi	Jumlah
Setuju	30.4	72.3	96	52	42	58.5
Tak Setuju	60.8	21.5	-	40.9	41.3	32.9
Tiada respons	8.8	6.2	4	7.1	16.7	8.6

Daripada Jadual 5.25 di atas, adalah jelas bahawa walaupun berada dalam sektor kerajaan responden lebih ramai bersetuju dengan keperluan kepada sebuah

gerakan seperti gerakan reformasi dalam negara ini. Sebaliknya mengikut keahlian di dalam parti politik mendapati kecuali ahli UMNO, ahli parti lain semuanya bersetuju dengan kehadiran gerakan reformasi. Daripada kalangan yang tidak berparti sekalipun mereka yang bersetuju adalah lebih ramai - 42.0%. Bagi ahli UMNO sendiri walaupun majoritinya tidak bersetuju namun terdapat sebilangan kecil yang turut merasai keperluan untuk wujudnya gerakan reformasi (30.4%).

5.4.3 Tanggapan terhadap kenyataan: ‘Kebebasan untuk berucap menentang kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan’

Bagi kenyataan di atas, min adalah 1.18 (lihat Jadual 5.22 di atas, halaman 305). Beberapa angkubah telah dipilih untuk melihat sejauhmana persetujuan diberi untuk aktivisme politik seperti yang terkandung dalam kenyataan di atas. Antaranya umur, jantina, sektor pekerjaan, keahlian dalam parti politik, pengundi/bukan pengundi, mereka yang melayari internet dan tahap pendapatan.

Seperti yang terdapat pada Jadual 5.27 di bawah, respons mengikut umur menunjukkan bahawa kecenderungan untuk bersetuju adalah lebih tinggi di kalangan generasi muda iaitu yang berumur antara 22-40 tahun dan sokongan ini menjadi rendah sedikit pada mereka yang berumur antara 41 - 60 tahun. Sebaliknya mereka yang berumur 61 tahun ke atas menunjukkan kecenderungan persetujuan yang lebih tinggi.

Selain angkubah umur, respons turut diperolehi bagi jantina. Dari segi minnya, min bagi lelaki ialah 1.16 dan perempuan 1.21. Peratus yang bersetuju mengikut jantina adalah seperti dalam Jadual 5.28 di halaman berikut. Walaupun bersetuju tetapi persetujuan daripada kalangan perempuan tidak setinggi lelaki. Trend ini adalah sama seperti dapatan yang diperolehi bagi kebanyakan kenyataan lain dalam kajian, antaranya kenyataan-kenyataan yang menyentuh persoalan taatsetia dan

membalas budi.

Responden dari kalangan ahli UMNO nampaknya tidak berapa bersetuju dengan kenyataan di atas berbanding ahli PAS, PKN dan mereka yang tidak menjadi ahli mana-mana parti politik. Walaupun perbezaan di kalangan ahli UMNO tidaklah besar, 45.6% ahli UMNO menyatakan persetujuan mereka pada kenyataan ini. Peratusan yang bersetuju di kalangan yang tidak berparti pula ialah 29.0%. Keputusan ini memang dijangka memandangkan yang selalu mendesak supaya wujud kebebasan untuk berucap ialah pembangkang dan badan-badan bukan kerajaan, sebaliknya anggota parti pemerintah tidak melihat ia sebagai satu keperluan (lihat Jadual 5.29 di halaman berikut)

Jadual 5.27

Tanggapan responden mengikut Umur terhadap kenyataan:
'Kebebasan untuk berucap menentang kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan' ($N = 437$)

Umur	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
21 tahun ke bawah	16 (55.2)	10 (34.5)	3 (10.3)
22-30	109 (66.9)	37 (22.7)	17 (10.4)
31-40	71 (69.6)	24 (23.5)	7 (6.9)
41-50	53 (55.8)	33 (34.7)	9 (9.5)
51-60	21 (53.8)	15 (38.5)	3 (7.7)
61-70	7 (77.8)	1 (11.1)	1 (11.1)
Jumlah	277 (63.4)	120 (27.5)	40 (9.1)

Jadual 5.28

Pandangan responden mengikut jantina terhadap kenyataan: **'Kebebasan untuk berucap menentang Kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan' ($N=433$)**

Jantina	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Lelaki	70.6	22.5	6.9
Perempuan	55.7	32.5	11.8
Jumlah	63.2	27.5	9.4

Dilihat pula pada sektor pekerjaan, responden kedua-dua sektor

memberikan persetujuan kepada kenyataan ini berdasarkan Jadual 5.30 di halaman berikut. Mereka yang tidak bersetuju adalah lebih rendah bilangannya walaupun bagi sektor awam peratusannya adalah hampir kepada satu pertiga daripada semua respons yang diberi. Ini menunjukkan bahawa majoriti kakitangan kerajaan sendiri merasakan bahawa ruang untuk berucap secara bebas adalah sangat terbatas.

Jadual 5.31 di bawah melihat respons daripada pengundi dan mereka yang melayari internet. Penemuan menunjukkan bahawa mereka yang melayari internet, begitu juga yang menjadi pengundi, lebih ramai bersetuju supaya kebebasan untuk berucap menentang kerajaan diwujudkan. Implikasinya ialah aktivisme seperti ini - kebebasan berucap - boleh dikatakan sebagai satu keperluan dan menunjukkan kesediaan orang Melayu untuk turut terlibat dan aktif dalam politik.

Jadual 5.29

Pandangan responden mengikut keahlian dalam parti politik terhadap kenyataan: ‘Kebebasan untuk berucap menentang kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan’(N=421)

Pilihan Pendapat (%)	UMNO	PAS	PKN	Tak Berparti	Jumlah
Setuju	45.6	97.0	100.0	58.5	75.3
Tak Setuju	46.6	-	-	29.0	18.9
Tiada Respons	7.8	3.1	-	12.5	5.9

Jadual 5.30

Pandangan responden mengikut sektor Pekerjaan terhadap kenyataan:‘Kebebasan untuk berucap menentang kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan’(N=339)

Pilihan Pendapat (%)	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Sektor Awam	56.5	31.3	12.2
Sektor Swasta	66.8	25	8.2
Jumlah	61.7	28.2	10.2

Jadual 5.31

Pandangan responden mengikut mereka yang melayari internet ($N=370$) dan menjadi pengundi ($N=431$) terhadap kenyataan: ‘Kebebasan untuk berucap menentang kerajaan dalam sistem yang kita amalkan sekarang adalah menjadi satu keperluan’

	Melayari Internet	Tidak Melayari Internet	Pengundi	Bukan Pengundi	Jumlah
Setuju	77	57.9	63.6	62.9	65.4
Tak Setuju	20.7	31.9	30	23.2	26.5
Tiada Respons	2.2	10.2	6.4	13.9	8.2

Kesimpulannya responden pada umumnya bersetuju supaya orang Melayu aktif berpolitik. Cuma cara berpolitik di sini tidak semestinya dimanifestasikan menerusi parti politik. Oleh itu penyertaan ke dalam mana-mana parti politik bukan menjadi syarat untuk menjadi aktif.

Begitu juga dengan penyertaan dalam gerakan reformasi yang dilihat sebagai satu cara menjadi aktif dalam politik, namun ia bukan merupakan cara tunggal, malah persetujuan supaya gerakan reformasi wujud bagi tujuan demikian tidak berada pada paras yang tinggi. Oleh kerana responden tidak ditanya mengenai cara-cara lain bagi menzahirkan aktivisme politik ini, adalah sukar untuk dipastikan melalui tinjauan semata-mata apakah cara yang dipilih untuk memenuhi kehendak aktivisme tersebut adalah yang sesuai.

Di sini sekali lagi maklumat daripada responden utama menerangkan bagaimana keaktifan dalam politik boleh diserahkan. Mengenai reformasi dua responden utama,²⁵ bersetuju ia perlu diteruskan. Barangkali responden dalam tinjauan asas turut menyetujui keperluan reformasi politik, cuma tidak melihat keperluan kepada gerakan reformasi sebagai satu-satunya kaedah bagi tujuan tersebut. Bagi responden utama, aktivisme boleh diteruskan dengan penyebaran maklumat dan hubungan yang

dikekalkan dengan gerakan reformasi tanpa turun bersama dalam aktiviti-aktivitinya.

Selain itu ialah menyediakan bahan bacaan untuk rakan dan ahli keluarga.

Dapatan kajian menunjukkan bagaimana terdapat perbezaan ketara dalam respons mengikut kumpulan umur, jantina dan mereka yang terdedah kepada maklumat alternatif berbanding mereka yang bergantung kepada media arus perdana semata-mata. Berhubung dengan keperluan mempunyai kebebasan berucap walaupun untuk mengkritik atau menentang kerajaan, respons menunjukkan terdapat persetujuan bagi tindakan seperti ini. Implikasinya ialah orang Melayu mahu bersuara atas isu-isu yang berlaku tetapi peluang dan persekitaran bagi tujuan itu tidak ada atau terlalu terhad. Oleh itu mereka menegaskan mengenai keperluan wujudnya ruang dan keadaan bagi melakukan tindakan-tindakan seumpama itu.

Dapatan kajian juga membayangkan bahawa orang Melayu boleh menerima aktivisme politik dalam bentuk gerakan reformasi selain menerusi kegiatan berbentuk ucapan/ceramah yang mengkritik kerajaan.

5.5 Kepimpinan yang terbaik

Bagi nilai 'kepimpinan yang terbaik' dua perkara diperhatikan. **Pertama**, ialah melihat kepada ciri-ciri atau sifat-sifat kepimpinan yang terdapat pada seseorang pemimpin yang dikatakan 'terbaik' itu. Orang Melayu perlu mempunyai pemimpin-pemimpin terbaik yang memiliki ciri-ciri sedemikian. Pemimpin yang baik pula ialah mereka yang mempunyai ciri-ciri seperti berhemah tinggi, bersih, kuat pegangan agama, tegas, bijaksana, merendah diri dan sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat²⁶.

Kedua, ia perlu juga melihat secara spesifik manifestasi ciri-ciri tersebut ataupun perwatakan yang ada pada pemimpin-pemimpin yang ada pada hari ini atau yang

26 - Lihat Bab 2 di atas bagi takrif lengkap mengenai konsep nilai ini

pernah menjadi pemimpin masyarakat Melayu, tidak kira di dalam atau pun di luar kerajaan. Aspek yang diberi perhatian di sini ialah hubungan perwatakan pemimpin-pemimpin tersebut dengan ciri-ciri yang disebutkan di atas.

Nilai ini amat berkait rapat dengan nilai agama. Ini kerana tuntutan supaya mempunyai pemimpin terbaik yang memiliki ciri-ciri seperti yang disebutkan di atas turut ditekankan dalam agama. Respons kepada kedua-dua aspek ini akan menunjukkan sama ada nilai ini menjadi penting dalam budaya politik orang Melayu atau tidak. Ia juga akan menunjukkan jenis kepimpinan yang diterima dalam budaya politik Melayu sebagai 'kepimpinan terbaik'. Selain itu ia membayangkan juga jenis kepimpinan yang terkeluar daripada kehendak masyarakat dan berlawanan dengan nilai ini.

Bagi melihat aspek pertama iaitu mengenai ciri-ciri kepimpinan, empat kenyataan telah dikemukakan yang masing-masing menghuraikan ciri-ciri tersebut. Tiga daripadanya menyentuh ciri-ciri kepimpinan secara tidak langsung. Keempat-empat kenyataan itu ialah, (i)'dalam memilih seseorang pemimpin ciri-ciri/sifat-sifat yang menjadi ukuran ialah berhemah tinggi, bersih, kuat pegangan agama, tegas, bijaksana, merendah diri dan sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat', (ii)'ulama lebih baik sebagai pemimpin berbanding bukan ulama walaupun tidak begitu cemerlang dalam membangunkan negara', (iii)'orang Melayu berasa lebih selamat mempunyai seorang pemimpin yang "keras" sudah lama berkuasa dan nampak sebagai "kukubesi" berbanding pemimpin popular yang masih baru dalam kepimpinan negara' dan (iv) 'walaupun pemimpin melakukan kesalahan, mungkir janji, tidak beramanah, tetapi cemerlang dalam membangunkan negara dan ekonomi, beliau patut diberi sokongan sepenuhnya'.

Bagi melihat aspek kedua pula, kenyataan-kenyataan menyentuh pemimpin-pemimpin terdahulu dan sekarang. Sementara kenyataan pertama adalah jelas

mengenai ciri atau sifat kepimpinan, kenyataan-kenyataan lain dibentangkan dengan memberikan responden dua pilihan. Responden dikehendaki memilih antara dua alternatif yang diberikan itu. Misalnya ciri-ciri yang cuba dikesan ialah mengenai ulama dan bukan ulama sebagai pemimpin, atau antara pemimpin yang ‘keras’ dan ‘kukubesi’, dengan pemimpin yang popular dan pemimpin yang menyeleweng tetapi terampil dalam membangunkan negara. Ketiga-tiga kenyataan yang berhubungkait dengan ciri-ciri tersebut memberikan peluang kepada responden membuat pilihan.

Kenyataan-kenyataan yang dimaksudkan ialah, (i) ‘Tunku Abdul Rahman,Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn merupakan pemimpin-pemimpin Melayu yang rata-rata diterima oleh orang Melayu’, (ii) ‘Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterima sebagai pemimpin contoh orang Melayu sekarang’ dan (iii)‘orang Melayu boleh menerima Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Perdana Menteri Malaysia’.

Bagi dua kenyataan terakhir terdapat aspek-aspek lain yang turut terjawab menerusi respons. **Pertama** ialah perbezaan gaya dan kaedah kepimpinan antara Dr Mahathir dan Dato Nik Abdul Aziz. **Kedua**, ia menyentuh perbezaan yang menjadi persoalan - antara ulama atau bukan ulama sebagai pemimpin negara. **Ketiga**, ia menyentuh juga jawatan-jawatan utama dalam kerajaan dan negara.

5.5.1 Ciri-ciri Baik yang diterima dan Ciri-ciri Buruk yang ditolak

Keempat-empat kenyataan di atas telah dikemukakan bagi mendapatkan maklumbalas mengenai jenis kepimpinan yang diterima selain melihat apakah kepimpinan terbaik ini menjadi nilai penting atau tidak. Walaupun responden rata-rata bersetuju bahawa seseorang pemimpin mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berhemah

tinggi, bersih, kuat pegangan agama, tegas, bijaksana, merendah diri dan sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat namun apabila ciri-ciri lain turut dikaitkan dengan ciri-ciri di atas respons yang diberi adalah berbeza. Dalam perbezaan itulah bagaimana mereka menanggapi persoalan kepimpinan dapat dikesan.

Misalnya seorang pemimpin yang mempunyai ciri-ciri seperti di atas tetapi dikaitkan dengan ciri ‘kukubesi’ dan ‘keras’ telah mendapat reaksi yang negatif sepertimana terdapat dalam kenyataan ‘orang Melayu berasa lebih selamat mempunyai seorang pemimpin yang “keras” sudah lama berkuasa dan nampak sebagai “kukubesi” berbanding pemimpin popular yang masih baru dalam kepimpinan negara’. Pada umumnya responden tidak dapat menerimanya. Min bagi kenyataan ini ialah 1.81.

Bila dihalusi lagi dengan meneliti respons berdasarkan beberapa angkubah, penemuan-penemuan menarik dapat diperhatikan. Misalnya mengikut keahlian dalam parti, didapati bahawa ahli UMNO yang tidak bersetuju ialah 71.3% berbanding yang bersetuju hanya 16.8%. Begitu juga penelitian terhadap mereka yang mengundi dengan yang tidak - rata-rata respons yang diberi lebih kepada tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Penemuan-penemuan ini dihuraikan lagi dibawah.

Bagaimana pula dengan pemimpin yang ‘tidak beramanah’? Bagi kenyataan ‘walaupun pemimpin melakukan kesalahan, mungkir janji, tidak beramanah, tetapi cemerlang dalam membangunkan negara dan ekonomi, beliau patut diberi sokongan sepenuhnya’ misalnya, maklum balas menunjukkan bahawa tiada persetujuan bagi pemimpin sedemikian dan min adalah 1.62. Namun gambaran lebih jelas diperolehi dengan melihat angkubah umur, jantina, pendidikan dan pendedahan pada maklumat alternatif.

5.5.2 Tanggapan terhadap ‘Pemimpin yang ‘keras’ dan kelihatan ‘kukubesi’

Daripada Jadual 5.32 di bawah, adalah jelas bahawa semua kumpulan

umur cenderung untuk tidak menyetujui bahawa seseorang pemimpin boleh mempunyai sifat-sifat ‘keras’ dan ‘kukubesi’. Keseluruhannya 87.6% tidak dapat menerima sifat-sifat seumpama itu. Kadar persetujuan adalah rendah, iaitu hanya 12.4%. Mereka yang berumur 21 tahun ke bawah merupakan kategori umur paling ramai yang tidak dapat menerima pemimpin seperti itu (95.2%).

Ini diikuti mereka dalam kumpulan umur 31-40 tahun. Nampaknya kali ini perbezaan pendapat antara generasi kurang ketara, semua kumpulan umur secara majoritinya tidak bersetuju dengan kenyataan di atas. Malah peratus tidak bersetuju bagi kumpulan umur 41-50 dan 51-60 adalah agak tinggi -86.7% dan 88.2% masing-masing. Dibandingkan dengan mereka dalam kumpulan umur 40 tahun ke bawah respons kedua-dua kumpulan umur tadi adalah hampir sama dengan kategori yang lebih muda itu.

Kecenderungan yang sama diperhatikan pada mereka jika dilihat dari segi tahap pendidikan. Pemimpin yang ‘keras’ dan mempunyai ciri ‘kukubesi’ sukar diterima. Kadar penolakan adalah tinggi. Misalnya mereka yang mempunyai ijazah aras amat tinggi peratusan tidak bersetuju - 82.8%. Aspek yang menarik ialah persetujuan untuk menerima pemimpin seperti itu adalah sangat rendah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.33 di bawah.

Jadual 5.32

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan: ‘Orang Melayu berasa lebih selamat dengan pemimpin yang ‘keras’ ...‘kukubesi’ tetapi cemerlang dalam kepimpinan negara’(N=378)

Umur Responden	Pilihan Pendapat (Bil/ %)		
	Setuju	Tak Setuju	Jumlah
21 tahun ke bawah	1 (4.8)	20 (95.2)	21
22-30	21 (15.0)	119 (85.0)	140
31-40	8 (8.6)	85 (91.4)	93
41-50	11 (13.3)	72 (86.7)	83
51-60	4 (11.8)	30 (88.2)	34
61-70	2 (28.6)	5 (71.4)	7
Jumlah	47 (12.4)	331 (87.6)	378

Bagi jenis pekerjaan juga maklumbalas yang diterima menunjukkan kecenderungan yang sama, iaitu semua kategori pekerjaan tidak dapat menerima pemimpin yang ‘keras’ atau bersifat ‘kukubesi’. Seperti yang terdapat pada Jadual 5.34 di bawah, mereka dalam kategori perburuhan semuanya tidak bersetuju. Kadar yang agak tinggi juga diperhatikan pada kategori-kategori lain khususnya teknikal (94.7%), kontraktor (91.7%) perniagaan (87.0%) dan perkeranian (94.3%).

Dilihat pula dari segi keahlian dalam parti politik, sektor pekerjaan, antara mereka yang melayari internet dengan yang tidak dan tahap pendapatan beberapa penemuan menarik telah dirakamkan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.35 - 5.38 di bawah. Secara keseluruhannya persetujuan adalah amat rendah berdasarkan angkubah-angkubah tersebut. Ini bermakna seseorang pemimpin seperti yang digambarkan dalam kenyataan di atas tidak boleh diterima.

Jadual 5.33

Pandangan responden mengikut tahap Pendidikan terhadap kenyataan: ‘Orang Melayu berasa lebih selamat dengan pemimpin yang ‘keras’ ...’kukubesi’ tetapi cemerlang dalam kepimpinan negara’ ($N = 374$)

Tahap Pendidikan	Pilihan Pendapat (Bil/ %)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
darjah 6	3 (20.0)	12 (80.0)	15
tingkatan 3	2 (12.5)	14 (87.5)	16
tingkatan 5	12 (11.5)	92 (88.5)	104
tingkatan 6	3 (11.5)	23 (88.5)	26
diploma	14 (15.4)	77 (84.6)	91
ijazah asas	7 (7.9)	82 (92.1)	89
sarjana	5 (17.2)	24 (82.8)	29
kedoktoran	-	4 (100.0)	4
Jumlah	46 (12.3)	328 (87.7)	374

Jadual 5.34

Pandangan responden mengikut Pekerjaan terhadap kenyataan: 'Orang Melayu berasa lebih selamat dengan pemimpin yang 'keras' ...'kukubesi' tetapi cemerlang dalam kepimpinan negara' ($N = 341$)

Jenis Pekerjaan	Pilihan Pendapat (Bil/ %)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
pengurusan/pentadbiran	6 (10.5)	51 (89.5)	57
suri rumah	4 (13.3)	26 (86.7)	30
teknikal	2 (5.3)	36 (94.7)	38
profesional	5 (16.1)	26 (83.9)	31
perguruan	4 (14.3)	24 (85.7)	28
kontraktor	1 (8.3)	11 (91.7)	12
perburuhan	-	3 (100.0)	3
perkeranian	2 (5.7)	33 (94.3)	35
perkilangan	3 (9.7)	28 (90.3)	31
perniagaan	3 (13.0)	20 (87.0)	23
lain-lain	12 (12.6)	41 (77.4)	53
Jumlah	42 (12.3)	299 (87.7)	341

Jadual 5.35

Pandangan responden mengikut parti politik terhadap kenyataan : 'Orang Melayu berasa lebih selamat dengan pemimpin yang 'keras' ...'kukubesi' tetapi cemerlang dalam kepimpinan negara' ($N=419$)

Pilihan Pendapat (%)	UMNO	PAS	PKN	Tidak Berparti
Setuju	16.8	1.6	4	11.5
Tak Setuju	71.3	85.7	88	73.6
Tiada Respons	11.9	12.7	8	15

Jadual 5.36

Pandangan responden mengikut sektor pekerjaan terhadap kenyataan: 'Orang Melayu berasa lebih selamat dengan pemimpin yang 'keras' ...'kukubesi' tetapi cemerlang dalam kepimpinan negara' ($N=342$)

Sektor	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Sektor Awam	11.4	72.8	15.8
Sektor Swasta	9.1	77.4	13.4
Jumlah	10.3	75.1	14.6

Jadual 5.37

Pandangan responden mengikut mereka yang layari internet terhadap kenyataan: 'Orang Melayu berasa lebih selamat dengan pemimpin yang 'keras' ...'kukubesi' tetapi cemerlang dalam kepimpinan negara' ($N=373$)

	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Ya, melayari internet	8.1	84.4	7.4
Tidak melayari internet	12.2	70.5	17.3
Jumlah	10.2	77.5	12.4

Jadual 5.38

Pandangan responden mengikut pendapatannya terhadap kenyataan : 'Orang Melayu berasa lebih selamat dengan pemimpin yang 'keras' ...'kukubesi' tetapi cemerlang dalam kepimpinan negara' ($N=357$)

	bawah 500	501-1000	1001-3000	3001-5000	5001-7000	7001-9000	9001 ke atas	Jumlah
Setuju	9.1	10.4	11.2	7.3	10.5	-	14.3	9.49
Tak Setuju	72.7	68.7	77.2	80.5	78.9	100	85.7	80.53
Tiada Respons	18.2	20.9	11.7	12.2	10.5	-	-	10.5

Sepertimana yang dipaparkan dalam jadual-jadual di atas adalah jelas bahawa kepimpinan yang dicirikan sebagai 'keras' dan 'kukubesi' memang tidak diterima.

5.5.3 Ketokohan dan Kepimpinan - Tanggapan terhadap Pemimpin Lalu dan Sekarang

Bagi mengetahui bagaimana responden menanggapi persoalan kepimpinan yang baik, persepsi mereka terhadap beberapa pemimpin utama negara yang lalu dan sekarang telah diperolehi. Tiga kenyataan telah dikemukakan. Kenyataan pertama cuba mendapatkan reaksi terhadap kepimpinan tiga Perdana Menteri yang lepas, iaitu, Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Kenyataan kedua

dan ketiga pula cuba mendapatkan reaksi mereka tentang kepimpinan Perdana Menteri sekarang, Dr Mahathir, dan pemimpin pembangkang yang juga seorang Menteri Besar, Dato' Nik Abdul Aziz.

Bagi kenyataan pertama adalah jelas bahawa kepimpinan ketiga-tiga Perdana Menteri itu diterima - peratus persetujuan mencapai 86.1%. Barangkali pemimpin-pemimpin tersebut memenuhi sebahagian besar daripada ciri-ciri yang telah disebut di atas.

Respons bagi kenyataan mengenai Dr Mahathir pula tidak begitu jelas. Min ialah 1.40 - menghampiri sikap berkecuali namun ia masih membayangkan terdapat sedikit persetujuan bagi kenyataan tersebut. Dari segi umur kecuali bagi mereka dalam kategori umur 41-60 tahun, yang lain kurang bersetuju bahawa beliau adalah seorang pemimpin contoh. Hal yang sama diperhatikan dari segi tahap pendidikan - kecuali mereka yang mempunyai kelulusan Darjah 6, yang lain kurang bersetuju dengan kenyataan berkenaan (lihat Jadual 5.39 dan 5.40 di halaman berikut)

Di kalangan suri rumah dan mereka yang bekerja dalam sektor pengurusan dan pentadbiran nampaknya lebih ramai bersetuju bahawa Dr Mahathir adalah pemimpin contoh tetapi bukan bagi kategori lain. Kesediaan suri rumah menerima beliau sebagai pemimpin contoh adalah selari dengan respons bagi jantina perempuan bagi kenyataan tersebut. Dilihat pula pada pengundi, dapatan kajian menunjukkan lebih ramai tidak bersetuju - 51.7 % berbanding 41.3 % yang bersetuju seperti dalam Jadual 5.41 di halaman berikut.

Jadual 5.42 di bawah memaparkan respons bagi kenyataan ini mengikut sektor pekerjaan. Jadual 5.43 di bawah pula menunjukkan perbezaan di antara mereka yang melayari internet dengan yang tidak di kalangan ahli pelbagai parti politik di

samping mereka yang tidak berparti. Mengikut sektor perkerjaan adalah jelas bahawa majoriti responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini manakala satu pola yang menarik boleh dikesan bagi responden mengikut pendedahan kepada maklumat di internet dengan mereka yang tidak terdedah kepadanya seperti yang dipaparkan pada Jadual 5.43 itu.

Jadual 5.39

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan: 'Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterima sebagai pemimpin contoh orang Melayu sekarang' ($N = 400$)

Umur Responden	Pilihan Pendapat (Bil/ %)		
	Setuju	Tak Setuju	Jumlah
21 tahun ke bawah	11 (44.0)	14 (56.0)	25
22-30	65 (44.2)	82 (55.8)	147
31-40	37 (36.6)	64 (63.4)	101
41-50	42 (50.0)	42 (50.0)	84
51-60	19 (55.9)	15 (44.1)	34
61-70	4 (44.4)	5 (55.6)	9
Jumlah	178 (44.5)	222 (55.5)	400

Jadual 5.40

Pandangan responden mengikut tahap Pendidikan terhadap kenyataan: 'Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterima sebagai pemimpin contoh orang Melayu sekarang' ($N = 396$)

Tahap Pendidikan	Pilihan Pendapat (Bil/ %)		
	Setuju	Tak Setuju	Jumlah
darjah 6	9 (52.9)	8 (47.1)	17
tingkatan 3	7 (41.2)	10 (58.8)	17
tingkatan 5	51 (43.2)	67 (56.8)	118
tingkatan 6	13 (48.1)	14 (51.9)	27
diploma	42 (45.7)	50 (54.3)	92
ijazah asas	44 (47.8)	48 (52.2)	92
sarjana	10 (34.5)	19 (65.5)	29
kedoktoran	1 (25.0)	3 (75.0)	4
Jumlah	177 (44.7)	219 (55.3)	396

Jadual 5.41

Pandangan responden mengikut pengundi/bukan pengundi terhadap kenyataan: 'Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterima sebagai pemimpin contoh orang Melayu sekarang' ($N=437$)

Status Mengundi	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Pengundi	41.3	51.7	7
Bukan pengundi	35.5	54.3	13.9
Jumlah	38.4	53	8.6

Jadual 5.42

Pandangan responden mengikut sektor pekerjaan terhadap kenyataan: 'Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterima sebagai pemimpin contoh orang Melayu sekarang' ($N=345$)

Sektor	Pilihan Pendapat (%)		
	Setuju	Tak Setuju	Tiada Respons
Sektor awam	38.5	49.6	12
Sektor swasta	35.5	54.3	10.1
Jumlah	37	52	11

Jadual 5.43

Pandangan responden mengikut keahlian parti ($N=425$) dan mereka yang layari internet ($N=375$) terhadap kenyataan: 'Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diterima sebagai pemimpin contoh orang Melayu sekarang'

Parti	Pilihan Pendapat	Melayari Internet	Tidak Melayari Internet
UMNO	setuju	36.4	73.1
	tak setuju	50	19.4
	tiada respons	13.6	7.5
PAS	setuju	7.9	5.3
	tak setuju	89.5	94.7
	tiada respons	2.6	-
PKN	setuju	8.3	-
	tak setuju	91.7	88.9
	tiada respons	-	-
Tidak Berparti	setuju	25.9	51.1
	tak setuju	69	36.6
	tiada respons	5.2	12.2

Penemuan adalah amat menarik sekali dan menunjukkan secara jelas bagaimana mereka yang terdedah kepada maklumat daripada sumber alternatif mempunyai pandangan yang berbeza berbanding mereka yang hanya bergantung kepada maklumat daripada media perdana mengenai kepimpinan Dr Mahathir. Yang menarik untuk diperhatikan ialah di kalangan ahli UMNO sendiri dan mereka yang tidak berparti, kerana ahli PAS dan PKN sememangnya dijangka akan memberikan respons tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Bagi ahli UMNO jelas mereka yang melayari internet kurang bersetuju dengan kenyataan di atas berbeza dengan mereka yang tidak mendapat maklumat daripada internet. Begitu juga dengan golongan yang tidak berparti - perbezaan antara dua kumpulan adalah amat jelas sekali. Ini bermakna internet mempunyai kesan yang agak besar dalam membentuk pendirian seseorang dalam menentukan pilihan politik. Implikasinya ialah semakin tinggi penyebaran maklumat menerusi internet semakin ramai pula rakyat khususnya orang Melayu, akan terbuka kepada pendapat yang pelbagai yang memungkinkan perubahan dalam pilihan politik mereka.

5.5.4 Pandangan terhadap Kemungkinan Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Perdana Menteri

Dapatkan kajian bagi kenyataan di atas amat menarik sekali. Secara keseluruhannya respons menunjukkan bahawa responden boleh menerima beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Dilihat dari segi umur, rata-rata semua kumpulan umur bersetuju beliau boleh diterima sebagai Perdana Menteri sepertimana akan dibincangkan di bawah. Min bagi kenyataan ini ialah 1.03 dan secara keseluruhan 51.3% bersetuju

beliau sebagai calon Perdana Menteri manakala 25.8% tidak bersetuju dan 22.4% pula tidak memberikan respons

Yang menarik juga untuk diperhatikan ialah maklumat daripada responden utama mengenai kepimpinan Nik Aziz. Seorang profesional²⁷ menyifatkan beliau sebagai seorang pemimpin ‘yang cukup sederhana’. Ini amat berbeza dengan keluhan-keluhan oleh beberapa responden utama lain yang membicarakan kepimpinan Dr Mahathir. Seorang profesional lain²⁸ menyifatkan Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin ‘autokratik’ dan ‘sudah lama sangat berkuasa’. Seorang lagi²⁹ melihat Dr Mahathir sebagai ‘beban’ untuk UMNO.

Mengenai Nik Aziz, mereka melihat dari segi keperibadian beliau walaupun terdapat responden yang meragui kemampuan beliau sebagai pentadbir yang cekap, malah antara Nik Aziz dengan Haji Abdul Hadi ada pendapat bahawa Haji Abdul Hadi lebih mampu mentadbir berbanding Nik Aziz³⁰. Pendapat seperti ini bukan dipegang oleh semua oleh itu sukar untuk diterima begitu sahaja. Namun pendapat mengenai kepimpinan Nik Aziz sebagai seorang yang sederhana dan mempunyai kebolehan untuk menjawat jawatan Perdana Menteri sekalipun merupakan respons yang agak umum ia diberikan oleh majoriti responden.

Mengikut umur pula didapati semua kumpulan umur boleh menerima beliau kecuali mereka yang berumur 51-60 tahun. Ini bukan satu fenomena luar biasa

27 - Beliau adalah Dr Musab

28 - Puan Melor

29 - En Abu

30 - Maklumat Puan Rosy, Haji Abdul Hadi semasa kajian (tinjauan) dijalankan merupakan timbalan presiden PAS dan Menteri Besar Terengganu. Kini beliau adalah Presiden PAS

kerana kumpulan umur ini didapati seringkali memberikan respons yang berbeza daripada kumpulan-kumpulan umur lain bagi kebanyakan kenyataan lain juga seperti yang telah diuraikan dalam bab yang lepas (lihat Jadual 5.44 di bawah).

Jadual 5.44

Pandangan responden mengikut Umur terhadap kenyataan: 'Orang Melayu boleh menerima Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Perdana Menteri Malaysia' ($N = 344$)

Umur Responden	Pilihan Pendapat (Bil/ %)		Jumlah
	Setuju	Tak Setuju	
21 tahun ke bawah	14 (70.0)	6 (30.0)	20
22-30	92 (73.6)	33 (26.4)	125
31-40	63 (75.0)	21 (25.0)	84
41-50	43 (55.1)	35 (44.9)	78
51-60	11 (37.9)	18 (62.1)	29
61-70	6 (75.0)	2 (25.0)	8
Jumlah	229 (66.6)	115 (33.4)	344

Daripada respons yang diterima juga terdapat beberapa perkara yang dapat ditekankan dalam aspek kepimpinan di kalangan orang Melayu. Kenyataan-kenyataan yang dikemukakan cuba untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden tentang ciri-ciri yang boleh mereka terima pada seseorang pemimpin. Kemudian secara khusus beberapa pemimpin diperhati sama ada mereka memenuhi ciri-ciri tersebut atau tidak, justeru itu diterima sebagai kepimpinan yang terbaik atau ditolak sebagai tidak layak menjadi pemimpin.

Perkara lain yang diberi perhatian ialah mengenai dua sifat yang bertentangan yang mungkin terdapat pada seseorang pemimpin - sekiranya salah satu diterima adakah sifat yang lain juga diterima? Maksudnya, apakah kriteria utama yang akan digunakan bagi menerima atau menolak seseorang pemimpin sekiranya pada dirinya terdapat salah satu daripada dua sifat tadi atau kedua-duanya sekali? Bolehkah

masyarakat menerima seorang yang cemerlang dalam aspek membangunkan negara tetapi mempunyai watak yang disifatkan sebagai ‘keras’ ‘kukubesi’ atau ‘tidak beramanah’?

Respons yang diperoleh jelas menunjukkan ciri-ciri ini tidak diterima oleh orang Melayu. Barangkali ini juga diambil kira dalam respons mereka kepada persoalan tentang kepimpinan Dr Mahathir. Disebabkan kempen gerakan reformasi dan mereka yang menentang pemerintah menumpukan perhatian terhadap beliau, di samping menyifatkan beliau sebagai ‘keras’ dan bersifat ‘kukubesi’, pengkaji cuba meletakkan kedua-dua sifat ini dalam satu kenyataan agar responden memilih untuk mengesahkan dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh penentang Dr Mahathir. Sekaligus ia akan menunjukkan sama ada sifat-sifat yang tidak baik itu terdapat pada diri Dr Mahathir, yang hanya diisyaratkan melalui kenyataan yang menyebut sifat ‘keras’, ‘kukubesi’ dan ‘tidak beramanah’ itu. Atau apakah beliau memang dikira seorang pemimpin contoh? Kesemua pilihan ini terdapat dalam kenyataan-kenyataan yang dikemukakan.

Kenyataan ini memberi kebebasan kepada responden untuk membuat pilihannya yang tersendiri berdasarkan konsep kepimpinan terbaik - iaitu pemimpin contoh - menurut pegangannya. Manakala bagi Dato Nik Abdul Aziz pula, terdapat beberapa sebab kenapa persoalan tentang kepimpinan beliau dikemukakan.

Pertama, bagi melihat sejauhmana seorang yang bergelar ulama boleh diterima sebagai pemimpin³¹ lebih-lebih lagi sebagai seorang Perdana Menteri. Dato Nik Abdul Aziz dikenali sebagai seorang ulama bukan sahaja dalam PAS tetapi juga

³¹ Untuk konsep kepimpinan ulama antara lain lihat Chandra Muzaffar, (1999) ‘Ulama as Menteri’, yang mengupas persepsi masyarakat terhadap seorang ulama yang juga menjadi pemimpin politik

di Iuarnya.

Kedua, sejak peralihan kepimpinan kepada apa yang digelar ‘kepimpinan ulama’ konsep ini telah tersebar luas di kalangan pendukungnya dalam PAS sendiri¹². Oleh itu adakah konsep kepimpinan seperti ini sudah meresap ke dalam masyarakat secara meluas? Kenyataan seperti di atas cuba mendapatkan kepastian mengenainya. Ia turut membayangkan sekiranya ia diterima, kepimpinan utama negara - jawatan Perdana Menteri - boleh dipegang oleh seorang yang bergelar ulama.

Ketiga, dan tidak kurang penting juga ialah dalam persaingan politik antara UMNO dan PAS persoalan kepimpinan turut menjadi kritikal. Sekiranya salah satu daripada dua model kepimpinan ini diterima ia akan memberi kesan kepada politik orang Melayu. Disebabkan nilai yang dipastikan di sini ialah ‘kepimpinan yang terbaik’ salah satu daripada dua pemimpin ini mungkin lebih disenangi dan diterima berdasarkan apa yang mereka (responden) fikirkan ialah kepimpinan terbaik. Dalam konteks kajian, sementara Dr Mahathir masih diterima walaupun dengan banyak pengecualianya, Dato’ Nik Aziz nampaknya tidak banyak menghadapi halangan seperti itu.

5.6 Kesimpulan

Nilai-nilai utama dalam sistem nilai masyarakat Melayu khususnya nilai agama mempunyai peranan penting dalam menentukan pilihan politik dan tindakan-tindakan yang dilakukan atas sebab-sebab politik. Ini telah dilihat pada maklum balas responden berhubung pelaksanaan undang-undang Islam misalnya. Persetujuan yang

¹² - Maklumat Dr Dzulkifli

tinggi menunjukkan betapa individu Melayu mempunyai pilihan untuk memastikan elemen agama diberi perhatian.

Dalam hal ini persoalannya ialah parti manakah - UMNO atau PAS - yang boleh diharap untuk memenuhi kehendak agama tersebut. Dapatan kajian menunjukkan pilihan yang tinggi bagi pelaksanaan hudud umpamanya membayangkan kaedah PAS lebih diyakini walaupun tindakan Kerajaan Pusat - yang mewakili UMNO - dalam menjalankan program penerapan nilai-nilai Islam turut mendapat perhatian dan diterima.

Begitu juga dengan nilai keadilan. Nilai ini menjadi fokus utama selepas tindakan pemecatan ke atas Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Anwar Ibrahim. Jika benar ia kritikal dalam membuat pilihan dan tindakan, dan sekiranya pemecatan itu dilihat sebagai tidak adil, ini bermakna sokongan terhadap UMNO atau kepimpinannya akan merosot.

Dapatan kajian turut menggambarkan bahawa terdapat beberapa nilai yang lebih utama dalam menjelaskan fenomena yang terjadi selepas peristiwa September 1998. Antaranya nilai agama, keadilan, kepimpinan yang terbaik, budi dibalas budi dan ketaatsetiaan. Kefahaman yang tepat terhadap nilai-nilai tersebut perlu bagi menjelaskan kenapa seolah-olah terjadi satu kebangkitan rakyat untuk mempersoalkan tindakan yang dilakukan oleh pemerintah ketika itu berhubung dengan pemecatan Anwar.

Sejauhmana nilai-nilai itu berperanan dan apakah syarat-syaratnya juga perlu diketahui. Kemudian bagaimana perasaan kemarahan itu dimanifestasikan apabila nilai-nilai yang dipegang itu dicabuli juga perlu dianalisis, barangkali dengan maklumat

temahan responden utama. Dalam bab berikut persoalan-persoalan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi.